

قتین تیتہ

PETIKAN TITAH

"ALHAMDULILLAH, keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada masa ini dapat dikenal pasti melalui perolehan peralatan-peralatan ketenteraan yang canggih dan terkini yang kita miliki".
- Titah Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-55 Tahun pada 12 Syaaban 1437H / 31 Mei 2016M.



Pelita BRUNEI

كَلْبَرِيَّةٌ

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايماڤ
MANISNYA IMAN

"DAN sesungguhnya engkau (Muhammad) benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qalam, ayat 4.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 27

2 MAC 2020 / 1441 رجب 7

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020

Wujudkan warga sihat



CERGAS DAN SIHAT... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020, iaitu bagi menyemarakkan lagi suasana Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Tahun. - Foto : Hamzah Mohidin (Lihat muka 3, 4, 5 dan 6).

Berkenan hantar perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin di atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-8.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin di atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri

Malaysia yang ke-8.
Di dalam perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin, baginda yakin di bawah kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Tan Sri, Negara Malaysia akan terus berkembang maju dan makmur serta rakyatnya sentiasa menikmati keamanan dan keharmonian yang berpanjangan.
Baginda seterusnya menyatakan

bahawa sebagai negara jiran yang dekat, Negara Brunei Darussalam sangat menghargai jalinan persahabatan yang erat dan mesra serta hubungan kerjasama dua hala yang aktif dengan Negara Malaysia di pelbagai bidang yang berkepentingan. Baginda percaya tali silaturahmi yang sudah sekian lama terjalin di antara kedua buah negara kita akan terus dipupuk dan terpelihara di masa-masa akan datang, demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat kedua-dua buah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyambut baik peluang-peluang untuk bekerjasama rapat dengan Yang Amat Berhormat Tan Sri dalam mengembangluaskan lagi hubungan kedua-dua buah negara baik di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa, dan seterusnya Baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha mengalu-alukan kunjungan Yang Amat Berhormat Tan Sri dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Norainee Abdul Rahman ke Negara Brunei Darussalam di masa yang terdekat.

Pada mengakhiri perutusan tersebut baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Yang Amat Berhormat Tan Sri dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Norainee Abdul Rahman serta keluarga akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan di bawah perlindungan-Nya jua.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



SEMBAHYANG berjemaah banyak kelebihan darjat
Muka 7



ANTOLOGI puisi ristaan 50 tahun pemerintahan dilancarkan
Muka 8



JABATAN Penjara memperingati penubuhan Ke-66 Tahun
Muka 10



MENCAPAI impian
Muka 21

KAIB dalam parameter dukung, memelihara keamanan

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh**

MENGADAP ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Daussalam.

Ampun beribu ampun, Dengan penuh hormat dan takzim hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan juga mewakili Jawatankuasa Tertinggi Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) Ke-12 dan Borneo International Halal Showcase (BIHS) Ke-2 menyebarkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik menyerikan Majlis KAIB Ke-12 dan BIHS Ke-2 pagi ini dan seterusnya akan mengurniakan titah perasmiannya.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik merupakan kecintaan Kebawah Duli Tuan Patik kepada ilmu pengetahuan dan manifestasi intelektual, yang dalam konteks majlis ini ialah yang berkaitan bidang pembangunan dan perkembangan masyarakat Islam Borneo dalam keberagaman budaya dan tradisi puak dan suku kaum penduduk dalam wilayah-wilayahnya yang hidup dengan mengamalkan kepercayaan agama yang berbeza namun kekal aman dan sentosa.

Maka Konferensi Islam Borneo yang sudah dianjurkan berkali-kali ini, antaranya tiga kali di Negara Brunei Darussalam, adalah dalam parameter mendukung dan memelihara keamanan serta kesentosaan dalam keberagaman itu.

Yakni kita umat Islam rakyat dan penduduk wilayah-wilayah Borneo adalah menjadikan usaha mencapai kemajuan kehidupan duniawi dan ukhrawi sebagai pemangkin keamanan dan keharmonian demi kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di ketiga-tiga wilayah Borneo dan seterusnya menyumbang kepada kestabilan tiga negara berjiran, Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Indonesia.

Dan dengan yakin kita menyatakan bahawa pendekatan ini adalah selaras dan tepat dengan tuntutan agama Islam antaranya melalui firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 41 antara lain makna terjemahannya "(Iaitu) mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman ketika menyebarkan ucapan alu-aluan pada Majlis Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-12 dan Borneo International Halal Showcase Ke-2 pada Rabu, 14 Rabiulakhir 1441 Hijrah bersamaan 11 Disember 2019 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh (berbuat) yang makruf dan melarang daripada (mengerjakan) yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan".

Yang membawa pengertian bahawa apabila umat Islam itu kukuh kedudukan mereka iaitu selamat dan aman, maju jaya mereka dan kepimpinan mereka melaksanakan tuntutan-tuntutan agama, berbuat kebajikan, memimpin ke arah keamanan dan kesejahteraan yang meliputi sekalian penduduk termasuklah yang berlainan puak bangsa dan amalan tradisi serta pegangan agama.

Yang sedemikian pula adalah antara sifat agama Islam, umat dan kepimpinannya yang sangat signifikan dengan menjadi *rahmatan lil'alam*. Iaitu sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 41 antara lain makna terjemahannya "*Dan Kami tidak mengutus engkau (Wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam*".

Dengan semangat itulah Negara Brunei Darussalam melalui dua

buah institusi pengajian tingginya - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengambil peranan aktif dalam menjayakan KAIB terutama dengan menjadikan Brunei tuan rumah pada tahun 2012 dan tahun 2019 ini diunggayahkan oleh KUPU SB dan pada tahun 2016 diunggayahkan oleh UNISSA.

Alhamdulillah *wasysyukru lillah*. Kita memuji kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan mensyukuri rahmat-Nya bahawa dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik merasmikan konferensi ini menjadikan penyertaan aktif Negara Brunei Darussalam semakin bersignifikan dalam sama-sama memelihara kepentingan umat Islam serantau. Oleh yang demikian itu, sekalian yang berkenaan dengan konferensi ini berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberkati Kebawah Duli Tuan Patik dengan *inayat* dan hidayat mengukuhkan kepimpinan yang bijaksana lagi berwibawa serta sihat afiat kekal bahagia bersama kerabat diraja Kebawah Duli Tuan Patik sekaliannya.

Demikianlah disembahkan. Mengakhiri sembah hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung ampun menyebarkan sekali lagi sembah junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik atas limpah perkenan berangkat hadir ke majlis pagi ini. Sembah junjung kasih seterusnya atas keberangkatan paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Tuan Patik :

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan ucapan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Tetamu-Tetamu Khas; Timbalan-Timbalan Menteri; Duta-Duta; Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat; Dhif-Dhif Yang Dihormati; Para hadirin hadirat yang berbahagia sekalian.

Ke muka 9

Dari Sidang Pengarang.

2 MAC 2020 BERSAMAAN 1441

7 رجب

JADILAH MASYARAKAT YANG BERADAB, BERTATASUSILA

RIADAH berbasikal merupakan sukan yang sudah mendapat tempat di hati rakyat di negara ini diteruskan lagi kelmarin bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36.

Apa yang menariknya, sukan ini mendapat sambutan daripada semua peringkat umur, tua, muda bahkan kanak-kanak begitu teruja menyertai sukan ini. Apatah lagi selain berbasikal, pelbagai acara juga diadakan untuk memeriahkan suasana.

Ini diserikan lagi dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang lain menyertai rakyat untuk sama-sama dalam riadah berbasikal ini. Kemesraan baginda bersama ahli kerabat baginda dan rakyat patut dijadikan contoh untuk semua.

Hubungan antara raja bukan setakat pada hal-hal rasmi bahkan pada aktiviti sukan juga. Perkara seperti ini patut dibanggakan kerana tidak ada jurang antara seorang raja dengan rakyat baginda. Tetapi kita selaku rakyat yang menghormati baginda perlu tahu batas-batas kita. Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah raja kita, pemimpin negara yang digalati maka seharusnya kita menjaga nama baik kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini.

Tunjukkanlah sikap kita sebagai orang Brunei yang beradab, bertatasusila dan berawar galat. Jangan bersikap seperti bangsa yang tiada adab kerana sikap seperti ini akan membinasakan diri kita kelak. Dengan sikap ini dapat membentuk sebuah masyarakat yang saling hormat-menghormati.

Sikap hormat-menghormati merupakan salah satu kunci kepada keamanan dan kebahagiaan dalam kehidupan kita di negara yang berbilang puak ini. Sikap menghormati juga pastinya boleh dipupuk melalui tauladan. Jika orang dewasa atau ibu bapa kanak-kanak menunjukkan sikap menghormati dari aspek perkataan dan perbuatan, ia akan memberikan inspirasi kepada anak-anak untuk mencontohnya. Dan setentunya akan dijadikan ikutan apabila mereka dewasa kelak. Begitu juga sebaliknya sekiranya kanak-kanak berada di persekitaran yang tidak menyokong ke arah pembentukan sikap menghormati. Mereka tidak akan tahu menghormati orang lain dan sentiasa beranggapan diri mereka adalah yang terbaik. Sikap seperti inilah yang perlu kita kikis dan ajarkan kepada mereka apa ertinya sikap saling hormat menghormati.

Negara memerlukan rakyat yang berwibawa, beretika, bermoral dan pandai menjaga nama baik diri sendiri dan nama negara. Jika tinggi pelajaran tetapi mempunyai nilai moral yang rendah juga tidak berguna. Peganglah kepercayaan yang diamanahkan kepada kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini untuk memartabatkan raja dan negara ini. - **Ketua Penyunting (Ri).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN 31 25 °C ☀️	31 25 °C ☁️	30 25 °C ☁️
PEKAN BANGAR 32 25 °C ☀️	30 24 °C ☁️	29 24 °C ☁️
PEKAN TUTONG 32 25 °C ☀️	31 26 °C ☁️	29 24 °C ☁️
KUALA BELAIT 31 25 °C ☀️	31 25 °C ☁️	29 24 °C ☁️

Wallahuwal Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi MAC	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	ISNIN	7	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
3	SELASA	8	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.43
4	RABU	9	5.03	5.13	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
5	KHAMIS	10	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42
6	JUMAAT	11	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.47	6.33	7.42
7	SABTU	12	5.03	5.12	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
8	AHAD	13	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.45	6.33	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDCM
2380214

Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020

Wujudkan warga sihat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra bersama Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam sebelum memulakan riadah (atas kiri). Sementara gambar atas, baginda dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020 mengelilingi ibu negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Mac. - Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020 bukan sahaja menggabungkan aspek gaya hidup sihat dan rekreasi, malah menyatupadukan negara melalui penghayatan budaya sukan dan penglibatan masyarakat secara menyeluruh yang menjurus pada pewujudan warga sihat, di mana adalah penting ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Walaupun dalam keadaan cuaca yang panas terik, namun suasana di ibu negara bertambah meriah

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Haji Md. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

BAGINDA mengetuai Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020 bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Tahun yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

dengan ribuan pengunjung dari segenap lapisan masyarakat di negara ini yang sama-sama menyertai acara riadah tersebut bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 tahun ini.

Acara tersebut bertambah berseri apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020

yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Ke muka 4



WALAUPUN keadaan cuaca panas terik, namun suasana di ibu negara bertambah meriah dengan ribuan pengunjung dari segenap lapisan masyarakat di negara ini yang sama-sama menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020 bersama raja yang disayangi (kiri dan kanan).



WALAUPUN masih kepenatan setelah menyertai riadah berbasikal namun Kebawah DYMM masih meluangkan masa beramah mesra bersama rakyat dan penduduk negara yang hadir beramai-ramai di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin (kanan dan kiri). Juga kelihatan berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Manakala gambar bawah, baginda dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat menyaksikan pameran di Bandarku Ceria.

Dari muka 3

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain di Taman Haji Sir Muda

Omar 'Ali Saifuddin dijunjung oleh Menteri-menteri Kabinet yang diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar

Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sejurus keberangkatan, Kebawah DYMM dijunjung bagi menandatangani bingkai jersi khas sempena Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020, diiringi dengan persembahan koir dan muzik dari 'band' kadet.

Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan Gadong, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.



Sebaik sahaja *air horn* dibunyikan, baginda kemudian berkenan mendahului riadah berbasikal mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh 11.50 kilometer yang turut disertai oleh Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, para jemputan dan orang ramai termasuk warga asing.

Selepas Riadah Berbasikal, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja kemudiannya berkenan menyaksikan perbarisan lalu daripada seramai 36 orang pekayuh basikal dari keempat-empat daerah yang berjaya mengelilingi 36 kilometer yang berlepas sejak pukul 6.30 pagi dan diiringi dengan persembahan padang oleh Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Pada majlis itu, Kebawah DYMM berkenan menerima pesambah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Antara jalan-jalan utama yang dilalui ialah Jalan Pretty, Jalan Elizabeth 2, Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Jalan Kianggeh, Jalan Sekolah, Jalan Kumbang

Ke muka 5



PERBARISAN lalu daripada pekayuh-pekayuh basikal dari keempat-empat daerah yang berjaya mengelilingi 36 kilometer yang berlepas sejak pukul 6.30 pagi (atas). Sementara gambar kiri, persembahan padang daripada para peserta Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) meningkatkan lagi semangat patriotik belia.



KEBAWAH DYMM dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah gembira pada menyaksikan kemeriahan pelbagai pameran, jualan dan persembahan pada acara Bandarku Ceria di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin (kanan dan kiri).

Dari muka 4

Selain berbasikal, Baginda dan kerabat diraja turut berkenan menyaksikan secara lebih dekat lagi kemeriahan Bandarku Ceria yang diadakan di persekitaran taman tersebut dengan pelbagai aktiviti, pameran dan persembahan yang disediakan oleh 13 buah

kementerian, Persatuan-persatuan Belia dan Sukan Kebangsaan, PKBN dan Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA 2019 di Filipina. Selain itu, agensi-agensi swasta juga mengadakan aktiviti-aktiviti seperti Permainan Interaktif Literasi

Kewangan; Bike Balancing Challenge, Workout Challenge dan Mini Obstacle Race; Memperkenalkan aktiviti Aplikasi Tyran Maton yang merupakan aplikasi mengatasi kes buli; aktiviti Cup Stacker, Goal Ball dan Flying Disc; Program Pemeriksaan Kesihatan, Ketahui Usus Anda

dan Pameran COVID-19; Aktiviti Bijak Jawi; Pameran Food Safety dan Brunei GAP (Industri Tanaman); Pameran dan Kuiz Biodiversiti dan Kepentingan Hutan; Pameran Poni Divers; Promosi Pertandingan Anugerah ICT Brunei dan Produk-produk Inovatif ICT Tempatan sebagai

komponen revolusi industri 4.0; Aktiviti Safety Health Environment National Authority (SHENA); Permainan Kikik; Frisbee Showcase Game; Parkour Showcase; Aktiviti Seni Suara Burung; Permainan Paintball dan Archery serta sebagainya.

Ke muka 6



BAGINDA dan paduka-paduka anakanda baginda gembira bergambar kenangan bersama rakyat dan penduduk negara ini, yang hadir di taman tersebut seawal pagi bagi menyertai, menyaksikan dan memeriahkan suasana Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020 dan Bandarku Ceria (kiri). Sementara gambar kanan, Baginda dan DYTM berkenan menyaksikan pelbagai peralatan yang dipamerkan sempena Bandarku Ceria.



PARA peserta dari PKBN dan orang ramai antara yang hadir sama-sama memeriahkan suasana riadah dan Bandarku Ceria (atas). Sementara gambar kiri, salah satu acara mencari bakat menyanyi dalam kalangan orang ramai yang hadir pada majlis tersebut.



BAGINDA berkenan menyaksikan salah satu lagi pameran ICT sempena dengan Bandarku Ceria (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menandatangani kereta antik yang dipamerkan pada acara tersebut.

Dari muka 5

Para peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang sudah seperti biasanya berniaga di Bandarku Ceria setentunya tidak melepaskan peluang untuk berjaja pada hari tersebut.

Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020 dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama-sama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta penglibatan semua kementerian-kementerian yang lain serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam.

Kejayaan acara tersebut sudah setentunya lebih bermakna dengan penglibatan aktif daripada semua pihak melalui

pendekatan Whole of Government and Nation yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat termasuk pihak bukan kerajaan atau NGO's dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan dalam menjayakan riadah berbasikal ini.

PERMAINAN *cup stacker* menarik perhatian baginda di Bandarku Ceria (kanan). Sementara gambar kiri, baginda dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menyaksikan pameran permainan Archery.



KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda berkenan bergambar ramai bersama orang ramai di hadapan replika sebuah kereta antik yang dipamerkan di Bandarku Ceria (kanan). Sementara gambar bawah, pasukan persembahan koir yang hadir menyerikan suasana Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020 dan Bandarku Ceria di ibu negara.



Belia holistik peneraju masa depan negara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa berucap pada Majlis Penutup Konvensyen Kepimpinan Belia Islam (KKBI) 2020.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Februari. - Konvensyen Kepimpinan Belia Islam (KKBI) bagi tahun 1441 Hijrah bersamaan dengan 2020 Masihi anjuran bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Program Keagamaan Belia yang diadakan buat julung kalinya bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 yang bertemakan 'Belia Holistik Harapan Negara' berakhir dengan Majlis Penutup dengan menghasilkan sebanyak 18 resolusi, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Terdahulu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat dalam ucapannya menjelaskan bahawa apa pun kelainan program sambutan pada tahun ini dengan tema 'Belia Holistik Harapan Negara' namun ia masih menepati hasrat Hari Kebangsaan

yang bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara'.

"Tema Menjayakan Wawasan Negara bukanlah sekadar pernyataan (*statement*) tetapi adalah juga berupa seruan, berbentuk ajakan, bahkan boleh difahamkan sebagai gesaan atau desakan kepada rakyat khususnya belia-belia untuk peka dan menyedari bahawa menjelang tahun 2035 kita berazam, kita bertekad menjadikan negara kita yang tercinta ini dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan," jelas Yang Berhormat Menteri.

Menurut Yang Berhormat, Wawasan Brunei 2035 ini adalah komponen pertama daripada tiga komponen dalam Rancangan Jangka Panjang yang digubal oleh Kerajaan untuk tempoh tiga puluh tahun bermula tahun 2007.

Dua komponen tersebut ialah Rangka Strategik dan Dasar Bagi Pembangunan (OSPD) dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) (rujuk Dokumen Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam).

Wawasan Negara 2035 sering disebut-sebut di mana ia sering menjadi impian generasi belia, menjadi rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya dengan kehidupan yang juga berkualiti

tinggi, negara Brunei yang dicintainya ini dalam kedudukan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, jelas Yang Berhormat Menteri.

Dalam merealisasikan hasrat serta impian itu, pihak kerajaan telah mengatur strategi-strategi jangka panjang. Ia dilaksanakan dengan pendekatan Whole of Nation.

Katanya, dalam konteks inilah misalnya inisiatif-inisiatif program yang melibatkan belia-belia sangat penting digiatkan dengan format-format yang bersesuaian dan menarik. Perisian konvensyen telah pun diatur dengan sangat menarik dan sangat relevan dalam menghadapi isu-isu pada masa kini.

Format baharu moden dan mempunyai ciri-ciri kebeliaan melalui prasarana dan suasana konvensyen, memasukan bidang pakar, diskusi, sesi perkongsian dan forum.

Oleh itu ujar Yang Berhormat, bagi menyumbang ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 itu, sekurang-kurangnya dalam erti kata merangsang kesedaran lalu

ANTARA belia negara yang menghadiri KKBI anjuran bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Program Keagamaan Belia yang diadakan buat julung kalinya bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36.

menambah kukuhkan azam untuk merealisasikan.

"Apa dia? Termaktub dalam Dokumen Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam bahawa perencanaan kemajuan jangka panjang itu digubal setelah mengadakan beberapa konsultasi dengan berbagai lapisan masyarakat yang mana rumusannya seperti untuk mengekalkan kestabilan politik yang dinikmati oleh negara; untuk memelihara nilai-nilai sosial, budaya, rohani dan sejarah kita; untuk membantu rakyat dan penduduk kita menghadapi cabaran dunia dan untuk memberi keyakinan tentang masa hadapan kepada keluarga dan masyarakat kita," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa memahami keempat-empat perkara yang dirumuskan sebagai tujuan perencanaan kemajuan jangka

panjang itulah yang telah mengilhamkan wawasan negara yang sekarang disebut Wawasan Brunei 2035 itu.

Wawasan Brunei 2035 itu disertai dengan pernyataan bahawa ke arah mencapai Wawasan itu perlu bersatu dalam kesetiaan kepada Sultan dan negara, keyakinan terhadap nilai-nilai Islam dan keharmonian sosial serta amalan tradisi berbaik.

"Ertinya dengan jelas dan tegas bahawa rakyat - sebahagian besarnya adalah belia-belia yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, berkehidupan yang berkualiti tinggi, dalam kedudukan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan, itu adalah rakyat yang setia kepada Sultan dan negara, berkeyakinan terhadap nilai-nilai Islam, memelihara keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik," jelas Menteri Hal Ehwal Ugama.



Sembahyang berjemaah banyak kelebihan darjat



HADIR bersama-sama jemaah masjid mendengarkan tazkirah bertajuk 'Menjayakan Wawasan Negara Menurut Perspektif Islam, ialah Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Mac. - Masjid adalah ibarat Rumah Allah, dan sesungguhnya menghadirkan diri beribadah ke masjid serta

menirikan sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan darjat berbanding sembahyang secara perseorangan. Program Masjidku Makmur,

Negara Berkat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin pada minggu ini dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU) dan Kementerian Kebudayaan Belia

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

dan Sukan (KKBS) dengan sokongan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ia merupakan satu program mingguan dan ajakkan bagi mengalu-alukan jemaah meningkatkan kehadiran bagi memakmurkan masjid dan seterusnya bersama-sama secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah pada awal waktu di masjid.

Masjidku Makmur, Negara Berkat turut memberikan peluang kepada para pengunjung bersempena acara Bandarku Ceria, memulakan langkah dan keceriaan hari mereka dengan meraih keberkatan melalui partisipasi menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang dan kegiatan keagamaan yang telah diatitkan.

Program kali ini diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Menjayakan Wawasan Negara Menurut Perspektif Islam' dan disampaikan oleh Da'ie

dari Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Makmurnya masjid-masjid di negara ini adalah antara landasan kita bagi menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala bagi diri kita, keluarga dan juga negara.

Antologi puisi ristaan 50 tahun pemerintahan dilancarkan



MENTERI Kebudayaan Belia dan Sukan merasmikan Buku Antologi Puisi Dalam Cermin Sejarah (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama dengan antara penulis-penulis buku tersebut termasuk Yang Berhormat Mufti Kerajaan dan lain-lain.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Februari. – Buku Antologi Puisi Dalam Cermin Sejarah merupakan kumpulan puisi daripada 56 orang penulis Negara Brunei Darussalam yang memuatkan 56 buah nukilan puisi khas.

Penerbitan buku tersebut berperanan penting sebagai ristaan 50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas takhta kerajaan selaku Raja, Ketua Negara dan Ketua Kerajaan.

Antologi puisi yang julung-julung kali diterbitkan oleh

Pusat Sejarah Brunei ini dihasilkan oleh 56 orang penyair yang masing-masing mengemukakan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan urutan sejarah keputeraan, pertabalan, perpuspaan dan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Buku Antologi Puisi Dalam Cermin Sejarah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berlangsung di Tarindak D'Seni, di sini.

Sementara itu, Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Awang Hanafi bin Haji Salleh dalam ucapannya menjelaskan, buku antologi itu sesuatu yang istimewa kerana tiap bait dan baris puisi yang dicipta merupakan ungkapan perasaan tanda syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan pada menyatakan taat setia sebagai rakyat kepada raja yang dikasihi.

Di samping itu tambahnya, sebahagian penyair memberi fokus kepada aspek-aspek tertentu, tetapi tidak lari daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan pemerintahan baginda, mengkhususkan kepada sejarah dan sistem pemerintahan, sikap pemedulian dan kasih sayang baginda kepada rakyat, nilai-nilai sejarah, kebudayaan dan adat istiadat, kemerdekaan negara, hubungan antarabangsa serta

serantau dan semangat patriotisme.

Antara nama besar penyair negara yang juga penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (SEA Write Award) yang turut menyumbang karya mereka dalam antologi tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (Adi Rumi); Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (Badaruddin H.O) dan Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar (Wijaya).

Seterusnya, Yang Berhormat

Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya (Yahya MS); Allahyarham Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman (P. H. Muhammad Abd. Rahman); Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid (A. Hashim Hamid); Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah (Rahimi A.B.); Haji Awang Mohammad bin Haji Timbang (A. Mohammad Timbang); Awang Haji Jawawi bin Haji Ahmad (HJR); Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Damit (Mahmudamit) dan Haji Abdul Hamid bin Haji Tamat (Salmi Mesra).

Buku Antologi Puisi Dalam Cermin Sejarah juga boleh didapati pada Pesta Buku Brunei sehingga 8 Mac nanti dengan promosi harga yang ditawarkan.

Simposium tingkat kesedaran Kanser Colorectal



PENGARAH Eksekutif Pusat Pakar Pantai Jerudong, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada simposium tersebut.

JERUDONG, Ahad, 1 Mac. – Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) telah menganjurkan simposium setengah hari bersempena dengan Bulan Kesedaran Kanser Colorectal 2020 dengan tema 'Paradigma Perubatan yang Berkembang' yang diadakan di Indera Samudra Hall, The Empire Brunei.

Simposium tersebut diadakan untuk pekerja penjagaan kesihatan

khususnya bagi para doktor dan jururawat dari daerah yang berlainan sekali gus meningkatkan lagi kesedaran tentang kanser kolon dan rektum yang telah menunjukkan peningkatan selama bertahun-tahun.

Bulan Mac telah diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai 'Bulan Kesedaran Kanser Colorectal'. Selain itu, simposium ini turut diadakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai Program Saringan Kolesterol Kebangsaan yang telah dilancarkan pada tahun lepas oleh Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Dalam masa yang sama, simposium ini juga menekankan peranan perbincangan melalui pasukan yang mempunyai pelbagai ilmu disiplin termasuk pakar bedah, pakar onkologi, radioterapi, radiologi, patologi dan jururawat khas untuk membangunkan perancangan rawatan untuk pesakit, pengesanan awal dan rawatan.

Hadir dalam simposium itu ialah Pengarah Eksekutif PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar yang turut menyampaikan ucapan mengalu-alukan kepada semua peserta simposium.

Pelbagai topik disampaikan oleh beberapa pakar perubatan tempatan. Pengarah Perubatan

PJSC dan Perunding Onkologi Perubatan

Pusat Kanser Brunei (TBCC), Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran memulakan simposium tersebut dengan membentangkan mengenai 'Beban Kanser Colorectal di Negara Brunei Darussalam dan Peranan Pasukan Multidisiplin (MDT)'. Terdapat peningkatan bilangan kanser kolorektal selama bertahun-tahun.

Semasa sesi pertama, yang dipengerusikan oleh Pakar Perunding Kanan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPASH), Dato Yapp Kai San dan Pakar Bedah, Unit Pembedahan, RIPASH Tan Lian Tat membentangkan mengenai 'Pembedahan Kanser Rektum' dan diikuti oleh Pakar Perunding Radiasi TBCC, Dr. Haji Jamsari bin Dato Haji Khalid membentangkan mengenai 'Radioterapi untuk Kanser Rektal : Kursus Panjang vs Pendek'.

Sidang kedua dipengerusikan oleh Pakar Perunding Perubatan, Dr. Ravi Sekhar Patnaik, Pakar Perunding Perubatan TBCC - Dr. Lu Shir Kiong, menyampaikan 'Rawatan Luar Kemoterapi'. Terdapat juga perbincangan panel mengenai beberapa kes berkaitan kanser kolorektal oleh

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pakar Pantai Jerudong

Pakar Perunding Perubatan TBCC, Dr. Raden Mas Jeffri Raden Mas Ismail dan Pakar Bedah, Unit Pembedahan, RIPASH, Awang C L Chong. Dianggarkan bahawa lebih daripada 200 peserta terdiri daripada doktor, pakar kesihatan dan jururawat menghadiri simposium tersebut.

Simposium berakhir dengan ucapan penutup dan penyampaian

sijil kepada penceramah dan pengerusi. Sejar dengan slogan 'We Care', PJSC mengemukakan kepentingan kesedaran kanser, menggalakkan penyelidikan, pendidikan dan pengesanan awal kanser dan pencegahannya. Untuk maklumat lanjut, sila menghubungi PJSC di enquiries@pjscbrunei.com atau hubungi terus di talian telefon : +673 261 3333.

Pegawai kanan dinaikkan pangkat

Siaran Akhbar :
Jabatan Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Februari. – Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Pengarah Perangkaan di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Dayang Hajah Mariah binti Haji Yahya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah Perancangan Ekonomi dan Statistik, di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi mulai 1 Ogos 2019.

JKR meterai enam dokumen kontrak perjanjian



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa menyaksikan penandatanganan dokumen kontrak di antara Jabatan Kerja Raya bersama syarikat-syarikat yang terpilih.

Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi

BERAKAS, Sabtu, 29 Februari. - Dalam usaha untuk terus bergiat aktif dalam merancang dan meneliti keperluan awam serta melaksanakan projek-projek untuk menaik taraf dan penyelenggaraan terhadap infrastruktur yang sedia ada, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengadakan Majlis Menandatangani Kontrak dan Penyerahan Dokumen Kontrak bertempat di Dewan Simpura Atria, JKR, di sini.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyerahan surat lantikan kerja bagi kerja-kerja konsultasi ke atas beberapa projek JKR, Kementerian Pembangunan. Dengan adanya kontrak ini diharap akan dapat meningkatkan lagi pemodenan landskap prasarana dan kemudahan awam agar ia dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat dan penduduk di negara ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi Bin Haji Gafar selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan penandatanganan dokumen kontrak di antara JKR bersama syarikat-syarikat yang terpilih.

Projek pembinaan Pekan Bangar, Daerah Temburong yang turut meliputi kerja-kerja pembaikan infrastrukturnya bakal dilaksanakan selama enam bulan. Projek berkenaan merupakan sebahagian daripada perancangan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) akan antara lain melibatkan penaiktarafan jalan-jalan raya di kawasan sekitar Pekan Bangar diikuti menaik taraf ke atas kawasan Dermaga Sungai

Temburong serta menaik taraf kawasan pejalan kaki dan membina kawasan pejalan kaki beratap yang baharu.

Projek bernilai BND7,916,818.60 turut melibatkan kerja-kerja pemasangan lampu-lampu jalan baharu serta membuat kalbat kekotak (*box culvert*) dan longkang (*slotted drain*) akan dilaksanakan oleh syarikat Pro-Builder Sdn Bhd.

Sementara itu bagi memastikan bekalan air mentah daripada Stesen Pam Air Badas di Seria sepanjang 12 kilometer menuju Loji Rawatan Seria tidak terjejas, satu projek bernilai BND1,222,220.00 akan diangkayahkan oleh Impian Reka Bina Sdn Bhd bagi kerja-kerja mengganti baharu penungkat paip air mentah utama dari Stesen Pam Air Badas ke loji rawatan air seria yang bakal siap dalam masa 24 bulan.

Satu lagi projek yang menyaksikan penandatanganan dokumen kontrak pada majlis tersebut ialah projek bagi menaik taraf sistem pementangan di Kawasan Perbandaran Kuala Belait dan Seria bagi tempoh selama 30 bulan.

Projek tersebut yang merupakan sebahagian daripada RKN Ke-11 akan melibatkan kerja-kerja penerusan tindakan pro-aktif dalam membuat pemeliharaan ke atas aset jabatan dan memastikan aliran air kumbahan berjalan lancar dan tidak mengalami masalah tersumbat serta mengurangkan kos pemeliharaan dan penyelenggaraan paip pembentung. Projek tersebut bernilai BND4,269,756.00 dan akan dilaksanakan oleh Astal Engineering Sdn Bhd.

Bagi membaik pulih kerosakan ke atas permukaan jalan raya di sepanjang Jalan Rasau, Kuala Belait, satu projek bernilai BND500,000.00 turut menyaksikan penandatanganan dokumen kontrak yang dilaksanakan oleh Kayamas Maju Sdn Bhd. Projek tersebut kelak bakal mempertingkatkan keselamatan para pengguna jalan raya yang akan dilaksanakan selama 24 bulan.

Dalam pada itu, bagi memastikan bekalan air bersih yang kelak akan seterusnya berpotensi mempertingkatkan lagi aktiviti perekonomian setempat, kerja-kerja penggantian paip-paip utama yang lama bagi kawasan Andulau, Sungai Mau dan Merangking di Daerah Belait bakal mengambil tempat. Projek tersebut yang di bawah RKN ke-11 bernilai BND1,168,271.00 akan dilaksanakan selama 24 bulan oleh Syarikat Noor Laila Jaya (Enterprise) (B) Sdn Bhd.

Sementara itu satu projek bernilai sebanyak BND871,750.00 yang akan dilaksanakan oleh J.Y.C. Sdn Bhd bagi tempoh 24 bulan bagi kerja-kerja melancarkan pengaliran sungai sekali gus mengurangkan potensi banjir di kawasan Kampung Rempayoh.

Dengan terlaksananya projek tersebut, ianya bakal meningkatkan pengaliran air sungai dan kapasiti sungai berkenaan. Skop kerja bagi projek ini termasuk pemuangan

selut, pasir, tanah, kayu dan tumbuhan di mana ia boleh menyebabkan banjir di kawasan berkenaan.

Majlis juga turut menyaksikan penyerahan dokumen kontrak di atas dan diselajurkan dengan penyerahan surat lantikan konsultan kepada Othman & Associates Consulting Engineers bagi Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Agis-Agis, Daerah Belait dan kepada Konsultan MWH bagi Projek Membina Stesen Pengepam Air Mentah Baharu Badas dan Memasang Paip Air Mentah Baharu Badas ke kawasan Spark.

Sebelum majlis berakhir, Yang Berhormat Menteri Pembangunan kemudiannya turut berkesempatan melihat pameran mengenai projek-projek tersebut. Turut hadir di Majlis Menandatangani Kontrak tersebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke Bin Haji Mohsin; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua Pengarah Kerja Raya, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan di bawah JKR, Kementerian Pembangunan.

Sebelum majlis berakhir, Yang Berhormat Menteri Pembangunan kemudiannya turut berkesempatan melihat pameran mengenai projek-projek tersebut. Turut hadir di Majlis Menandatangani Kontrak tersebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke Bin Haji Mohsin; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua Pengarah Kerja Raya, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan di bawah JKR, Kementerian Pembangunan.

Majlis juga turut menyaksikan penyerahan dokumen kontrak di atas dan diselajurkan dengan penyerahan surat lantikan konsultan kepada Othman & Associates Consulting Engineers bagi Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Agis-Agis, Daerah Belait dan kepada Konsultan MWH bagi Projek Membina Stesen Pengepam Air Mentah Baharu Badas dan Memasang Paip Air Mentah Baharu Badas ke kawasan Spark.



HALUAN

KAIB dalam parameter dukung, memelihara keamanan

Dari muka 2

Seterusnya ucapan penghargaan serta terima kasih atas sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam menjayakan dan menyempurnakan kelangsungan konferensi selama dua hari ini, khasnya kepada penceramah utama Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.)

Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; kepada institusi-institusi pengajian tinggi yang menjadi penganjur-penganjur bersama; kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Konferensi; kepada penceramah dan pembentang-pembentang kertas kerja; peserta-peserta Pameran BIHS dan seterusnya kepada semua yang memberikan

khidmatnya dengan baik khasnya Jabatan Adat Istiadat, media-media Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, media cetak swasta dan juga kepada semua peringkat pegawai-pegawai dan kakitangan.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran dengan menjadikan semua tenaga dan buah fikiran, penat lelah

babasah, bakaring sekaliannya dengan ikhlas itu menjadi amal soleh yang mendatangkan berkat dunia dan akhirat. *Amin Ya Rabbal 'Alamin.*

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha.

Jabatan Penjara memperingati penubuhan Ke-66 Tahun



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Majlis Khatam Al-Quran sempena memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-66 Tahun yang berlangsung di Masjid Pengiran Anak Haji Muhammad Alam, Kampung Sengkarai (atas). Sementara gambar kanan, yang Berhormat menyerahkan wakaf untuk masjid tersebut.

Berita dan Foto : Dk Vivv Malessa Pg Ibrahim

TUTONG, Sabtu, 29 Februari. - Bersempena memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-66 Tahun pada setiap 1 Mac, Jabatan Penjara melalui Jawatankuasa Keagamaan sebagaimana tahun-tahun sebelumnya telah

mengadakan dua majlis secara serentak iaitu Majlis Doa Kesyukuran dan Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis yang berlangsung di Masjid Pengiran Anak Haji Muhammad Alam, Kampung

Sengkarai itu turut dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir semasa majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-undang), Awang Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji



Mahmud; Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Muhammad Isamuddin bin Abdullah Juna; Pemangku Timbalan Pengarah Penjara; Pegawai-pegawai kanan, Pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Penjara.

Acara Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang

dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sejurus selepas itu, acara diteruskan dengan bacaan Takhtim, Doa Khatam dan Doa Kesyukuran oleh Guru Agama Institusi Penjara Maraburong Fasa 3, Awang Kani bin Haji Jaluddin.

Majlis Khatam Al-Quran semarak Hari Kebangsaan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (tiga, kiri) semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Zon 2 Mukim Mentiri dan Mukim Serasa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Mac. - Seramai 189 orang terdiri daripada peserta wanita daripada kumpulan Biro Wanita, kumpulan Muslimah, Penduduk-penduduk kampung di bawah Zon 2 menamatkan pembacaan Al-Quran 30 Juz pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Zon 2 Mukim Mentiri dan Mukim Serasa.

Para peserta terdiri daripada 14 kumpulan yang melibatkan sembilan buah kampung dari Mukim Mentiri dan tiga buah kampung dari Mukim Serasa.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis khatam yang berlangsung di Masjid Hassan Bolkih, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri ialah Timbalan Setiausaha Tetap

(Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Majlis berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pengiran Hajah Rohani binti Pengiran Haji Ibrahim yang merupakan salah seorang Ahli Biro Wanita 'Al Mudarrisah', Kampung Sungai Buloh diikuti dengan Surah Adh-Dhuha hingga Al-Lahab.

Sementara itu, bacaan Takhtim dipimpin oleh Dayang Hajah Ismawati binti Haji Sulaiman yang juga merupakan salah seorang Ahli Biro Wanita 'Al Mudarrisah', Kampung Sungai Buloh diikuti dengan bacaan Doa Khatam oleh salah seorang peserta khatam, Pengiran Hajah Ommi Kalthum binti Pengiran Haji

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg Haji Nikman

Abd. Razak.

Majlis Khatam Al-Quran yang julung kalinya diadakan itu merupakan acara kesyukuran sempena menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali Ke-36 pada tahun ini.

Adapun tujuan utama majlis diadakan bagi menyemarakkan dan memeriahkan sambutan perayaan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu acara keagamaan di samping menanam rasa cinta kepada Al-Quran serta menjadikan membaca Al-Quran sebagai suatu amalan harian selain memahami tafsiran yang terkandung di dalamnya.

Selain itu, majlis juga bertujuan untuk mendukung hasrat Negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Majlis ini juga diharap akan dapat menyatupadukan Keahlian Biro Wanita dan Penduduk-penduduk Kampung bagi Mukim Mentiri dan Mukim Serasa di bawah Zon 2 serta mengumpulkan masyarakat kampung untuk sama-sama membarigakan dalam menghayati Al-Quran bagi memperolehi keberkatan kampung khasnya dan Negara Brunei Darussalam umumnya selain mengumpulkan pembaca-pembaca yang mempunyai kemahiran serta menghalusi bacaan Al-Quran secara Murattal.

Mangsa kebakaran terima sumbangan derma

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin

BERAKAS, Sabtu, 29 Februari. - Tragedi Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama pada 8 Januari yang lalu melibatkan 12 buah rumah ranap dijilat api sekitar jam 2.00 pagi - 2.30 pagi melibatkan lebih 90 penghuni kehilangan tempat tinggal masih mendapat perhatian orang ramai dan pihak-pihak tertentu yang turut bersimpati dengan kejadian tersebut.

Dalam pada itu, Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu kepada Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama menyerahkan sumbangan derma pada majlis yang mengambil tempat di Bilik VIP, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Hadir bagi menyampaikan sumbangan derma tersebut ialah Pengiran Datin Hajah Noor Yashimah binti Pengiran Anak Haji Hashim, isteri kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah.

Sumbangan diserahkan kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim, sebagai Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut, Datin Hajah Norhaida binti Haji Sulaiman, isteri kepada Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Sumbangan derma antara lain bertujuan untuk meringankan beban tragedi mangsa kebakaran bagi kegunaan harian mereka nanti.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara menerima derma daripada Pengiran Datin Hajah Noor Yashimah, isteri Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II bagi mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Bendahara Lama.

Cungkil bakat peserta dalam pembacaan Al-Quran secara berlagu



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, selaku Penghulu Mukim Liang, Kuala Belait bergambar bersama para peserta Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran Bagi Lelaki dan Perempuan yang berumur 40 tahun ke atas.

KUALA BELAIT, Sabtu, 29 Februari. - Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran Bagi Lelaki dan Perempuan yang berumur 40 tahun ke atas Masjid-masjid, Surau-surau dan Balai-balai Ibadah Senegara Kali Kedua diungkuayahkan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-36 Tahun telah berlangsung petang tadi di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Hadir Selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, selaku Penghulu Mukim Liang, Kuala Belait.

Pertandingan bertujuan untuk mendukung hasrat Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan 'Negara Zikir' dan sekali gus menjadikan rakyatnya celik Al-Quran serta menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum.

Sudut penghakiman Musabaqah dinilai dari empat sudut iaitu lagu sebanyak 25 peratus, tajwid sebanyak 35 peratus, Fasahah

sebanyak 20 peratus dan suara sebanyak 20 peratus.

Pada kesempatan tersebut, Pelita Brunei turut menemu bual Johan Qariah, Dayang Hajah Harteena binti Haji Metusin, peserta dari Masjid Kiudang, Tutong, dengan memperoleh markah sebanyak 91 peratus dan beliau juga peserta yang mendapat pujian terbaik dari keseluruhan peserta seramai 22 orang.

Beliau berasa terharu bercampur gembira atas kejayaan diperolehnya. Beliau mula bergiat dalam bidang pembacaan Al-Quran sejak di bangku sekolah lagi.

Beliau banyak menimba ilmu pembacaan Al-Quran terutama

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

Teranum dan Maqam-maqam Lagu serta Bertalaqqi dan Tasmie' melalui abang-abang beliau iaitu Mudim Haji Metasim bin Haji Metusin dan Haji Aslenen bin Haji Metusin.

Kini beliau merupakan pelajar di KUPU SB tahun 1 mengambil Jurusan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama.

Sementara Johan Qari disandang oleh Dr. Zulkifli bin Haji Zakari, peserta dari Daerah Belait dengan memperoleh markah sebanyak 89.75 peratus.

Pertandingan ini juga bertujuan

untuk mencungkil bakat para peserta dalam seni pembacaan Al-Quran secara berlagu, serta untuk meningkatkan lagi kualiti pembacaan para peserta ke tahap yang terbaik.

Melalui pertandingan itu juga dihasratkan dapat memupuk semangat suka membaca Al-Quran di kalangan peserta dan diharap ia akan menjadi amalan seharian mereka dan seterusnya menghayati isi kandungan Al-Quran agar dapat disemai di dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara.

80 sertai khatam Al-Quran sempena HK Ke-36



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hadir pada majlis tersebut.

BERAKAS, Sabtu, 29 Februari. - Seramai 80 orang peserta mengikuti Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-36 Tahun Negara Brunei Darussalam

anjuran Surau Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal yang berlangsung di Surau Kampus berkenaan, di sini.

Hadir dan seterusnya mengetuai Bacaan Surah Al-Fatihah ialah

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mohd Haji Serudin bin Haji Timbang.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengimarahkan Surau MTSSR dengan kehadiran lebih ramai Jemaah.

Di samping memenuhi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai 'Negara Zikir'.

Acara ini juga dihasratkan untuk mengembangkan lagi Syiar Islam di NBD melalui aktiviti-aktiviti Takmir Masjid dan Surau.

Melalui acara ini juga diharap akan menjadikan diri sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa berdamping dengan Al-Quran dan inginkan mendapat keberkatan dari Al-Quran, selain menjadikan diri sebagai hamba

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

Allah yang taat kepada perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Juga hadir, pengarah dan

pegawai dari KHEU, pensyarah dari Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal serta penduduk kampung, yang tinggal di sekitarnya.



ANTARA pelajar-pelajar yang menyertai Majlis Khatam tersebut.

DBP lancar sebanyak 46 judul buku di PBB



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku wakil Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengunjungi booth Kesultanan Oman yang menyertai pameran buku-buku di Pesta Buku Brunei (PBB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Februari. - Pesta Buku Brunei (PBB) merupakan projek tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan sebagai antara-acara pengisian sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Sehubungan itu, berlangsung majlis perasmian yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap, KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, selaku wakil Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang kemudiannya turut menyempurnakan Pelancaran Buku Terbitan Terbaharu DBP dan Anugerah Penghargaan Hadiah Buku Terlaris dan Anugerah Khas Buku Terlaris.

Pada penganjuran pesta buku tahun ini, DBP melancarkan sebanyak 46 judul buku yang terbaharu, antaranya tiga buah buku bagi kategori ilmiah, tiga buah buku bagi kategori umum, 10 buah buku sastera dewasa, 20 buah buku kategori kanak-kanak bergambar, tiga buah komik dan tujuh buah buku yang diterjemahkan dalam tujuh bahasa antarabangsa.

Kemuncak acara ialah Anugerah Penghargaan Hadiah Buku Terlaris, dan buat pertama

kalinya sebuah buku mendapat Penghargaan Anugerah Khas Buku Terlaris.

Hadiah Buku Terlaris diterima berdasarkan kategori, iaitu Kategori Ilmiah diterima oleh Pusat Sejarah Brunei melalui Legasi Payung Negara : 'Aspirasi, Cita-cita dan Hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' karya Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

Kategori Umum diterima oleh Qasrun Nafis Publishing House (QNPH) melalui buku berjudul Brunei : 'The Origins' karya Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos, sementara Kategori Sastera diterima oleh M Content Creations Dr. Aamton Alias melalui buku berjudul 'Real Ghost Stories of Borneo 2' karya Dr. Aamton bin Haji Alias, dan Kategori Kanak-Kanak diterima oleh DBP melalui buku berjudul 'ZOY Topeng Sakti Siri 7' karya Awang Mohammad Rezuan bin Haji Jamaeh.

Manakala, Anugerah Khas Buku Terlaris pula diterima oleh Jabatan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

Mufti Kerajaan melalui buku berjudul 'Raja Melakar Sejarah' karya Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian pemenang Pencipta Logo Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36, Tahun 2020, iaitu Awang Abdul Aziz bin Ali.

Beliau merupakan pereka grafik bebas dan pemegang Sijil Adobe Illustrator dari The Academy Film, Fashion and Design yang memiliki pengalaman luas dalam bidang reka bentuk logo, ID korporat, risalah dan pembungkusan.

Sepanjang penganjuran PBB 2020, pelbagai program dan kegiatan dibukakan khusus untuk sasaran kelompok entiti belia, dewasa dan juga kanak-kanak bahkan sasaran keluarga juga digalakkan untuk terlibat sama dalam apa jua kegiatan yang dilaksanakan.

Antaranya ialah Bengkel Bahasa Isyarat, Rumah Pusaka (Kumpulan Putra Seni), Bicara Buku, Bersama Penerbit Filem Muda Abdul Zanidi, Sesi Temu dan Sapa, Tebar Roti Canai Terbuka, Demonstrasi Menambat Daster, Demonstrasi Melukis Kartun Bersama Kartunis Joy, Bengkel Penterjemahan, Demonstrasi Masakan, Persembahan Dongeng Binatang: Arnab, Kambing dan Kura-kura, Kuiz Budaya, Bedah Karya, Taklimat ISBN dan Akta Pemeliharaan Buku-buku, Persembahan Cerita Rakyat: Nakhoda Awang, Pantaran Sastera, Persembahan Bahasa Isyarat Lagu Kanak-kanak, Pertandingan Menembang Syair bagi Sekolah-sekolah Rendah, Manifestasi Sajak bagi Pelajar-pelajar Sekolah Menengah dan sebagainya.

PBB 2020 diadakan selama 10 hari bermula 28 Februari hingga 8 Mac 2020 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas, di mana sebanyak 62 buah petak gerai telah disediakan.

Penyertaan terdiri daripada

DBP sendiri selaku pihak penganjur, penerbit buku kerajaan, penerbit buku swasta, serta toko-toko buku dari dalam dan juga luar negara khususnya dari Indonesia, Malaysia, Kesultanan Oman dan Jordan.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia di negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko, beliau menjelaskan ini merupakan kali ketiga penyertaan negara Indonesia ke PBB, dan pada pesta buku kali ini mendatangkan satu penerbit sahaja iaitu Gramedia.

"Lebih dari satu ribu buku dengan lebih dari seratus judul buku telah dibawa ke negara ini yang menentang pelbagai genre terdiri dari fiksi dan non-fiksi, buku tentang masakan, buku tentang komik dan yang menjadi perhatian warga Brunei ialah buku-buku masakan, komik dan buku pelajaran," ujarnya.

TYT seterusnya melahirkan harapan agar acara seumpamanya sentiasa diteruskan dari tahun ke tahun, bukan sekadar untuk mendukung pihak penulis dan pihak penerbit tapi untuk



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Perasmian Pesta Buku 2020.

membangkitkan minat membaca dalam kalangan anak-anak, para muda belia dan sekalian warga dalam pelbagai peringkat umur.

Tambahnya, tujuan memperkenalkan buku-buku terbitan Indonesia agar warga Brunei dapat memahami dan mengetahui lebih banyak aspek tentang Indonesia (merangkumi budaya, seni dan sebagainya) dan daripada penyertaan pesta buku ini juga dapat saling bertukar-tukar pengalaman dan menjadikan hubungan dua buah negara lebih akrab antara satu sama lain, selain Indonesia juga turut mengalu-alukan penyertaan Negara Brunei Darussalam pada 'International Book Fair' yang diadakan setiap tahun di Republik Indonesia nanti.



SEBAHAGIAN daripada para pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta yang hadir di majlis perasmian PBB yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, merangkap Ra'es Jawatankuasa Eksekutif WAAG Brunei Darussalam semasa berucap pada Majlis Malam Mahabbah Alumni Al-Azhar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Mac. - Seramai lebih 60

orang alumni Universiti Al-Azhar Brunei Darussalam telah

Memperkukuh ukhuwah dalam kalangan generasi belia

menghadiri Majlis Malam Mahabbah Alumni Al-Azhar di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanah Bolkiah.

Majlis tersebut merupakan anjuran Jawatankuasa Eksekutif Rabithah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam.

Hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, merangkap Ra'es Jawatankuasa Eksekutif WAAG Brunei Darussalam.

Ketika berucap, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menjelaskan mengenai tujuan

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

penubuhan Ra'es Jawatankuasa Eksekutif WAAG Brunei Darussalam, iaitu antaranya adalah bagi memperkukuhkan ukhuwah dalam kalangan generasi-generasi belia.

Menurut beliau, persahabatan yang ikhlas melalui marhabah itu hanyalah mengharapkan ganjaran dan kerediaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Majlis Malam Mahabbah tersebut bertujuan bagi menyemarakkan dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan Alumni Al-Azhar dan seterusnya membincangkan mengenai

hala tuju WAAG Brunei Darussalam.

Dalam majlis ini, sesi perbincangan dan bertukar-tukar fikiran antara Jawatankuasa eksekutif WAAG Brunei Darussalam dengan belia Alumni Al-Azhar telah diadakan dalam usaha untuk meningkatkan dan memperluaskan peranan Rabithah khususnya dalam merancang pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada pembangunan agama dan negara.

سرور كرمي

هيندري ديرى درقد حسد دغكي

مك كتيك آكو برفالغ كيلاكغ، للاكي انصار ايت مغلغل كو دان بركات: " تيدق اد يغ لاي كجوالي اف يغ اغكو ليهت، هان سان آكو تيدق مينغو دان بردغكي هاتي ترهادف قوم مسلمين داتس كبايكن (نعمه) يغ ديرىكن اوله الله كفلدن. " كملين عبد الله بركات: " ابله يغ تله مغاغكت درجه مو دان ابله يغ كامي تيدق سغكوف لاکوكن. "

سسغكوهن اتوق منجكه دان مغاوبني صفة حسد دغكي. اي قولو كفلد بيراف جارا دان فندكن، انتاران:

فرتام: كيت هندقله سستياس مغاواسي ديرى دان ميايري بهوا قبايكت حسد دغكي بوله مروسقن دان مينااسن ديرى سنديري.

كلوا: كيت هندقله تاهو منشكوري نعمه يغ تله دانو كرهكن اوله الله سبحانه وتعالى.

كتيك: جك كيت مليهت اورغ لاي مقرأوليبي نعمه اتو كليهن، كيت هندقله مغاوكوي بهوا مريك مقرأوليبيهن دغن حاصل اوسها دان كرنيا الله سبحانه وتعالى.

كامفت: هندقله كيت راجين بكرج، براختيار اتوق منجاري رزقي دان كرنيا الله سبحانه وتعالى.

كليم: حاغلنه كيت سستياس مينايدغ-ينديغكن ديرى كيت دغن اورغ يغ ليه تيغكي كادان اتو تارفن درقد كيت.

كام: سستياسه كيت بردعاء موهون قوليدهغن الله سبحانه وتعالى دري صفة حسد دغكي.

كوجوه: جك كيت ماسيه جوك مغاوي صفة حسد دغكي دالم ديرى، مك كيت هندقله برتوبه، براستغفار دان موهون امقون درقد الله سبحانه وتعالى.

اوله ايت، سوارا ۲۱ اسلام يغ دكاسيبي، ايقته دان هيندريه ديرى درقد فرسان حسد دغكي يغ دلارغ دالم اكام كيت، جاجن سمهي اي برسارغ دالم هاتي. اين كران اي اداله انتارا صفة يغ دينهي اوله الله سبحانه وتعالى. اخيون، سام-سامله كيت بردعاء سموك كيت هيدوف دالم كادان يغ هرموني دان بركاسيه ساينغ، مدهمدهن دغن يغ دمكين، اي اكن ملاهركن مشاركة يغ هرموني دان برساتو قادو، آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾

﴿٤﴾ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٥﴾ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٦﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمَ

{ سورة الفلق آية: ۱-۵ }

تفسير:

كاتكله (واهي ني محمد): آكو برليندوغ قد توهن يغ مغواسي صبح. درقد كهاهن مخلوق ۲ يغ دي جيفتاك. دان درقد كهاهن مالم اقبيل تله كلف كليتا. دان درقد كهاهن توكغ ۲ سحر يغ مغهبوس-مهبوس قد سيمقولن ۲. دان درقد كهاهن اورغ يغ دغكي اقبيل دي دغكي.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ قَبَا فُوزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنجَاةِ الثَّانِيَيْنِ.

سسغكوهن اكام كيت ملارغ اومتن درقد برصفة دغكي كران صفة ترسيوت بوله مياكن ديرى سنديري دان منداتغكن كسن يغ بوروق دالم كهيديوفن بركلوارك، برمشاركة ماهوقون برنكارا. قد لازين اورغ يغ برصفة دغكي جيون تيدق اكن تنزام، سستياس برسيف رونسيغ دان براس رسه كليسه، افنه لاي اقبيل مليهت اورغ لاي له ماجو، سغ دان برجاي. مريك مغايبغكن اكر كسغن اتو نعمه اورغ ايت هيلغ دان اقبيل اورغ ايت جاتوه ترسغكور، مك اي اكن براس كمييرا، درقد وائله بن الأشفق، اي بركات بهوا رسول الله ﷺ برسيدا:

لَا تُظْهِرِ الشَّمَاتَةَ لِأَخِيكَ فَيَرْجُمَهُ اللَّهُ وَيَبْتَلِيكَ { رواه الإمام الترمذي }

مقصود:

جاغلنه اغكو منمفقن ككميران كران مصيبة يغ منمقا سوارا مو. كران جك دمكين، الله اكن مرحمتين دان ماله ميري مو مصيبة.

حسد دغكي ايت اداله انتارا قبايكت هاتي يغ لاهير كران ترلالو جيتنا كفلد دنيا دان لوقا اكن كيسان الله سبحانه وتعالى. فرسان حسد دغكي تيدق قرنه مغلل فرتالين داره اتو كلوارك، تيدق مغلل صحابة دان راكن سكرج. اين كران هوبوغن كلوارك يغ رافت بوله منجادي رغلغ، صحابه يغ اقرب بوله منجادي موسوه، راكن سكرج منجادي تيدق سهالوان دان سمو اين اداله دسيكن فرسان حسد دغكي. تردافة بايق سبب مغاف اورغ ايت مغاوي فرسان حسد دغكي، انتاران: فرموسوهن، دنام، براس خواطر توجوان ترنتو تيدق ترجافي دان سبايكن.

سيدغ جماعه يغ درجمي الله،

دالم فد ايت تردافة جوك حديث يغ ميري قججوالين دالم صفة حسد دغكي اين. دالم سبواه حديث يغ دروايتكن اوله امام البخاري، درقد ابو هريرة رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا: فرسان حسد دان دغكي ايت دلارغ كجوالي قد دوا فركارا: دغكي ترهادف سسورغ يغ دكرنياكن علم تنتغ القران دان دي مهاجن سفتغ مالم دان سياغ، سرت دغكي ترهادف سسورغ يغ دكرنياكن هرتا دان دي مغايفاقكن كجالن الله سبحانه وتعالى سفتغ مالم دان سياغ.

جماعه يغ درجمي الله،

مغيندركن ديرى درقد صفة حسد دغكي اداله ساغه سوسه دان برت اتوق دلقسناكن. اوله ايت، اورغ ۲ يغ برجاي مغيندري صفة ترسيوت اكن دملياكن دان دكرنياكن كجارن شرك اوله الله سبحانه وتعالى.

دالم سبواه حديث يغ دروايتكن اوله امام احمد، درقد انس بن مالك رضي الله عنه: سبورغ للاكي دري كالغن انصار تله دجنجيكن شرك اوله رسول الله ﷺ. سلفس مندغر جريتا ترسيوت، سبورغ صحابه رسول الله ﷺ برنام عبدالله بن عمرو بن العاص رضي الله عنهما، منديكن للاكي انصار ايت دان موهون اتوق مغايف درومهن. دي برحسرت اتوق مغتهوي افكه عمالن يغ ميبين للاكي انصار ايت تادي دجنجيكن شرك اوله رسول الله ﷺ.

سلفس تيك هاري مغايف درومه للاكي ترسيوت، دي براس فليق، كران دي تيدق قرنه سكالي مليهت للاكي ايت باغون اتوق ملاكوكن صلاة مالم دان لاي ۲ عمالن مهن. لالو دي برتان كفلد للاكي ايت، افكه عمالن يغ ميبين اغكو دجنجيكن شرك اوله رسول الله ﷺ، للاكي انصار ايت منجواب: " تيدق اد عمالن يغ لاي كجوالي سقرت اف يغ اغكو ليهت. "

جماعه يغ درجمي الله، برتقوي له كفلد الله سبحانه وتعالى دغن سسر-بر تقوي يابت دغن مينغككن كيامن كفلدن. سسغكوهن اورغ يغ فالغ مليا دسيي الله سبحانه وتعالى ايله اورغ يغ فالغ برتقوي. مدهمدهن كيت منجادي انسان يغ سستياس مغايفاتي الله سبحانه وتعالى، برأوله كجيان دان كسلامين ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درجمي الله،

اخلاق مليا مرفاكن كويي كفلد سكل كبايكن، ماله اي اداله فسنيغ دالم مينا دان مسوق كهيديوفن براكام، برمشاركة دان برنكارا. اوله ايت، اخلاق يغ ترقوي هندقله دترافكن دالم ديرى ستيغ اينديويديو قد ستيغ ماس دان كادان. رسول الله ﷺ اداله جوتوه تلالو دان ايكوتن يغ ترنايك يايكي سلوروه اومه ماسي. الله سبحانه وتعالى موجي اخلاق رسول الله ﷺ دان كهيبن اخلاق بكنلا ايت تباد تنديفن. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الفلم آية ۴:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿١﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمَ

تفسير:

دان سسغكوهن اغكو (محمد) بر ۲ مغاوي اخلاق يغ ساغه مليا.

آية القران اين منسكن تنتغ بتاف لوهور دان مليان اخلاق دان كفريادين رسول الله ﷺ. اوله ايت، سبايكي اومه اسلام كيت هندقله سستياس مغايبكوي دان منجوتوهي صفة ۲ دان اخلاق بكنلا. انتارا اخلاق بكنلا رسول الله ﷺ يغ فاتوت كيت جوتوهي ايله بكنلا ﷺ تيدق قرنه برصفة دغكي ترهادف انسان لاي. درقد انس بن مالك رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا:

إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدَ فَإِنَّ الْحَسَدَ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ

{ رواه الإمام أبو داود }

مقصود:

هندقله كالين منجوهي صفة حسد دغكي، كران سسغكوهن اي مياكن كبايكن، سبايكماني ابي مياكن كايو كريغ.

حديث ترسيوت منجسكن بهوا بتاف يسر بهيان صفة حسد دغكي ايت سهغك سسورغ يغ مغاوي عمل كبايكن اكن هيلغ دان منجادي سبايكي كران دهافوسكن اوله صفة حسد دغكي يغ برسارغ دالم هاتي.

إمام الغزالي زجه الله تعال بركات " حسد دغكي ايت ايله سسر-سسر كهاهن ماسي يغ دجلا اوله شرع. كتهويله، حسد ايت اداله حرام دان اغكو سوك هيلغن نعمه درقد اورغ يغ اغكو دغكي اتو تورون بلاه كفلد اورغ ايت. صفة حسد ايت منداتغكن كموركان الله. اي بوله مينااسن ديرى سسورغ دان عمالن. "

جماعه يغ درجمي الله،

رسول الله ﷺ تله مغايبككن بهوا اومتن اكن دتمقا قبايكت ۲ سبايكماني يغ تله منمقا اومه ۲ يغ تردهولو يغ بوله ميبين دان ميبوركن فرسان دنام، فرموسوهن بهكن فرتومفهن داره، دروايتكن اوله امام الحاكم، درقد ابو هريرة رضي الله عنه: آكو قرنه مندغر رسول الله ﷺ برسيدا: اومتكو اكن دتمقا قبايكت ۲ يغ قرنه منمقا اومه ۲ دهولو. صحابه برتان، " افكه قبايكت ۲ اومه ۲ تردهولو ايت؟ بكنلا منجواب: " قبايكت ۲ ايت اداله ترلالو بايق برسوروق، ترلالو برميوه، مغهيمقونكن هرتا سايق موشكين، تيغو مينغو دالم اوسها مريوت هرتا بندا دنيا، ساليغ ماريه، دغكي مندغكي سهيغك منجادي ظالم منطالي انتارا ساتو سام لاي. "



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 17/03/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 02 MAC 2020

TARIKH TUTUP: 16 MAC 2020

1. KETUA JURUTEKNIK UKUR C.3-4 EB.5 BAHAGIAN III JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEKOSONGAN = EMPAT (04) 2020/009/02	2. PEMBANTU JURURAWAT (BIDANG PERGIGIAN) M.4-5 EB.6 BAHAGIAN IV KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = SEMBILAN BELAS (19) 2020/009/04	3. PEMBANTU JURURAWAT (BIDANG PERBIDANAN) M.4-5 EB.6 BAHAGIAN IV KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = TIGA PULUH EMPAT (34) 2020/009/05
---	---	--

4. KERANI PERANGKAAN D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = TIGA (03) 2020/008/12	5. KERANI PENDAFTARAN D.3-4 EB.5 BAHAGIAN IV PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/009/01
--	---

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di
www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



LEMBAGA ARKITEK
JURUTERA
PROFESIONAL DAN
JURUUKUR BAHAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Brunei Darussalam Board
of Architects Professional
Engineers and Quantity Surveyors

Pendaftaran :
Bagi Lembaga Arkitek, Jurutera
Profesional dan Juruukur Bahan
Professional Competence Examination (PCE)

Dalam Bidang
- 'Architecture'
- 'Engineering (Civil, Structural, Mechanical,
Electrical and Building Services'
- 'Quantity Surveying'

Pengambilan Calon :
Ogos 2020

Tarikh akhir bagi menghadapkan permohonan :
Sabtu, 14 Mac 2020, 4.30 Petang

Bagi Keterangan Lanjut :
Nombor Telefon : +673 2382076
E-mel : apeqs.sec@mod.gov.bn

Borang permohonan dan Garis panduan
Peperiksaan boleh didapati :
[http://bapeqs.gov.bn/SitePages/
Qualification%20and%20Examination.aspx](http://bapeqs.gov.bn/SitePages/Qualification%20and%20Examination.aspx)

SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN :

Seni bina :

1. Lima (5) Tahun kelayakan akademik dalam seni bina; dan
2. Minima dua (2) tahun pengalaman dibenarkan termasuk satu (1) tahun pengalaman praktikal di Brunei.

Kejuruteraan :

1. Empat (4) Tahun MEng yang diiktiraf atau BEng (Hons) Ijazah atau Tiga (3) Tahun BEng (Hons) Ijazah diiktiraf dalam bidang kejuruteraan yang berkaitan; dan
2. Minima dua (2) Tahun pengalaman dibenarkan termasuk satu (1) tahun pengalaman dalam *site* dan *design* di Brunei.

Ukur Bahan :

1. Tiga (3) Tahun BSc (Hons) / BQS Ijazah yang diiktiraf ; dan
2. Minima dua (2) Tahun pengalaman dibenarkan termasuk satu (1) Tahun pengalaman praktikal di Brunei.



JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN
PELANCONGAN

TAWARAN UNTUK BERNIAGA
DI PONDOK / PETAK JUALAN,
DI KAWASAN P2 PUSAT
URUSNIAGA HORTIKULTUR
RIMBA, GADONG
BILANGAN : 01 / 2020

**TARIKH AKHIR MENGHANTAR
BORANG TAWARAN :**

11 Mac 2020, sebelum jam 3.00 Petang.



KEMENTERIAN KESIHATAN



BILANGAN TAWARAN :
KK / 305 / 2019 / 2020 / UPP

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF TOTAL
KNEE REPLACEMENT AND TOTAL
HIP REPLACEMENT FOR
DEPARTMENT OF ORTHOPAEDIC,
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

YURAN TAWARAN :
BND100.00

BILANGAN TAWARAN :

KK / 306 / 2019 / 2020 / UPP(TC)

KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF DRY
IMAGING FILMS FOR USE IN FUJI
PRINTER FOR THE DEPARTMENT OF
RADIOLOGY, FOR A PERIOD OF
THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN :
BND100.00

TARIKH TUTUP :
10 MAC 2020

tidak lewat jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



1. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 307 / 2019

TAJUK :
CUTTING TREES AND SIGNAGE
WORK TO TANAH PERKUBURAN
ISLAM SUGAN (BUKIT BENDERA)
DAERAH TUTONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TARIKH TUTUP :
RABU, 25 MAC 2020, 2.00 PETANG

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

KELAS : II & III
KATEGORI :
S 03 KPB 06 & KPB 12 SAHAJA

2. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 308 / 2019

TAJUK :
REPAIR WORKS TO TANAH
PERKUBURAN ISLAM
BUKIT TUBA, JALAN IKAS BANDUNG,
KG. KUPANG, DAERAH TUTONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TARIKH TUTUP :
RABU, 25 MAC 2020, 2.00 PETANG

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

KELAS : II & III

KATEGORI :
B 01 & KPB 06 SAHAJA

3. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 309 / 2019

TAJUK :
TO DESIGN AND CONSTRUCT FOR
NEW DISABLE TOILET, NEW DISABLE
RAMP AND OTHER WORKS
AT MASJID KAMPUNG MASIN,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TARIKH TUTUP :
RABU, 4 MAC 2020, 2.00 PETANG

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

KELAS : II & III

KATEGORI : B 01 SAHAJA

4. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 310 / 2019

TAJUK :
TO DESIGN AND CONSTRUCT FOR
NEW DISABLE TOILET, NEW DISABLE
RAMP AND OTHER WORKS
AT MASJID KAMPUNG LIMA MANIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TARIKH TUTUP :
RABU, 4 MAC 2020, 2.00 PETANG

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

KELAS : II & III

KATEGORI : B 01 SAHAJA



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : II, III & IV SAHAJA
KATEGORI : E01 SAHAJA**

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
SELASA, 24 MAC 2020
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 04 / BPB / 2020

NAMA PROJEK :
TERM CONTRACT FOR
ELECTRICAL MAINTENANCE
WORKS FOR BRUNEI NATIONAL
SERVICES PROGRAM (PKBN)

**BUILDINGS FOR PERIOD OF
THREE (3) YEARS**

YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DI DALAM KELAS : III & IV SAHAJA
KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN PADA :**
26 FEBRUARI 2020 (RABU)

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :**
10 MAC 2020 (SELASA)
JAM 3.30 PETANG

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
17 MAC 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 08 / 2020

NAMA PROJEK :
OPERASI DAN PENYELENGARAAN
JAMBATAN PENGHUBUNG DARI
DAERAH BRUNEI - MUARA

KE TEMBURONG

YURAN TAWARAN :
BND300.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

PENGAMBILAN PEKERJA 'SITE STAFF'
(Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan)

TARIKH TUTUP IKLAN :
23 Mac 2020 (Isnin)

JURUEKOPERTANIAN KANAN

TANGGA GAJI :
B.3 (BND3,350.00 - BND3,640.00
SEBULAN)
Tempoh : Kontrak 3 Tahun
(36 Bulan atau sehingga projek selesai)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

a. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau yang sebanding dengannya dalam bidang Biologi / Pertanian / Sains Tumbuhan / Pembiakan Tanaman / Genetik / Bioteknologi atau yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

b. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama sepuluh tahun dalam bidang pengurusan penanaman padi; dan

c. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah satu keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Memastikan penanaman padi berhasil tinggi berskala besar di Kawasan Kemajuan Pertanian

Kandol, Daerah Belait berkeluasan 500 hektar dilaksanakan mengikut sepertimana dijadualkan;

2. Memberikan perkhidmatan sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang profesional khususnya bagi tanaman padi kepada pihak operator teknikal;

3. Melaporkan sebarang serangan musuh perosak dan penyakit tanaman padi yang tidak dapat dikawal oleh pihak operator teknikal kepada Ketua Unit Industri Padi;

4. Menyediakan dan menghadapkan laporan setiap dua minggu kepada Ketua Unit: Industri Padi;

5. Membantu dalam penggubalan dasar-dasar Jabatan yang berkenaan dengan industri padi; dan

6. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT LAIN :

Pemohon yang berjaya akan dilantik selama 3 tahun secara berkontrak. Pembaharuan kontrak adalah tertakluk kepada penilaian prestasi dan perjanjian bersama.

Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh Peraturan-Peraturan yang berkuat kuasa dari masa ke masa. Pemohon yang berjaya akan terus dilantik ke dalam jawatan yang dipohonkan secara berkontrak.

Pemohon adalah diperlukan untuk melengkapkan butir-butir keterangan kelulusan /

pengalaman dan menyertakan gambar berukuran pasport yang terbaharu (borang tidak akan dikembalikan).

Jawatan yang dipohonkan hendaklah ditandakan dengan terang / jelas di sampul surat dan dialamatkan kepada :

**PENGARAH PERTANIAN DAN
AGRIMAKANAN
JABATAN PERTANIAN DAN
AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER**

**UTAMA DAN PELANCONGAN
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Hanya pemohon yang dipilih akan dihubungi untuk ditemu duga. Surat permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat di atas tidak lewat pada **23 Mac 2020, Isnin**. Permohonan yang diterima lewat dari tutup iklan tidak akan dilayan.

Jawatan yang dipohonkan boleh juga diperoleh dalam laman sesawang :
www.agriculture.gov.bn

IMBASAN MINGGUAN

ANTARA para belia yang hadir pada pembukaan Konvensyen Kepimpinan Belia Islam 2020. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

ACARA menarik yang disertai menambah ceriakan Sukan Iktan Keluarga anjuran MPK Penabai, Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

ADEGAN aksi menarik... Dua murid ini menyertai Program bola sepak sekolah. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

KECERIAAN kanak-kanak yang ikut serta pada Upacara Perhimpunan Ulang Tahun HK36. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

KEMESRAAN jelas terlihat acara sukan Iktan Keluarga yang merupakan salah satu pengisian Cabaran Penabai Kuala Tutong sempena Ulang Tahun HK36 NBD. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

72 orang pelajar khatam Al-Quran diraikan



SERAMAI 72 orang penuntut terdiri daripada 47 penuntut lelaki dan 25 penuntut perempuan Ma'had Islam Brunei telah diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran.

Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Sabtu, 29 Februari. - Seramai 72 orang penuntut terdiri dari 47 penuntut lelaki dan 25 penuntut perempuan Ma'had Islam Brunei (MIB) telah diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Besar sekolah berkenaan.

Majlis Khatam itu merupakan aktiviti tahunan sempena

penuntut-penuntut Sanah 10 Mujtahid dan Sanah 11 yang akan menamatkan pengajian mereka di penghujung tahun nanti dan telah mengkhataamkan bacaan 30 juzuk Al-Quran.

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Tetamu Kehormat Majlis, Yang Berhormat Awang Haji

Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai, Tutong dan isteri.

Majlis ini diharapkan akan dapat terus mengukuhkan semangat dalam jiwa pelajar agar mencintai Al-Quran, juga sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana para pelajar telah menamatkan pengajian mereka serta memohon doa agar semua pelajar beroleh kejayaan dalam peperiksaan dan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai, Tutong hadir pada Majlis Khatam tersebut.

peringkat seterusnya.

Acara tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Tetamu Kehormat; Bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Al-Masad kemudian diikuti dengan bacaan Takhtim oleh Penuntut-penuntut Tahun 9 dan Tahun 10. Bacaan Doa Khatam dibacakan oleh Awang Ahmad Syahni bin Mohamad Rozaini (Penuntut Sanah 10 Mujtahid) dan seterusnya Dikir

Marhaban.

Acara diselenggarakan dengan merenjis minyak wangi serta penyampaian sijil-sijil khatam oleh tetamu kehormat majlis dan isteri seterusnya diikuti oleh jemputan-jemputan khas dan para ibu bapa / penjaga peserta. Bagi memberkati majlis tersebut, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Abdul Malik bin Bahrin (Penuntut Sanah 11 Mufakkir).

Pesta Buah-Buahan dan 1K1P bantu perekonomian penduduk kampung



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir merasmikan Pesta Buah-Buahan dan 1K1P Daerah Temburong.

TEMBURONG, Sabtu, 29 Februari. - Dalam usaha untuk menarik lagi lebih ramai pengunjung dari luar daerah dan juga dari negara jiran serta memeriahkan lagi Daerah Temburong dengan aktiviti-aktiviti

perekonomian, Pesta Buah-Buahan dan 1K1P Daerah Temburong telah dilancarkan di Padang Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, Temburong.

Pesta yang diadakan selama tiga hari ini iaitu bermula pada 29

Februari hingga 2 Mac 2020 dianjurkan dengan kerjasama Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Daerah Temburong. Pesta tersebut telah dirasmikan dan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Turut hadir di majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Bokod dan Pemangku Penghulu Mukim Amo, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim.

Turut hadir Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Ketua-ketua Cawangan Jabatan Kerajaan Daerah Temburong, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung berserta Jemputan-jemputan Khas. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Masjid Daerah Temburong, Awang Mokhtar bin Bakri.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Kampung Labu Estate dan juga Pemangku Penghulu Mukim Labu iaitu Pengerusi Pesta Buah-buahan dan 1K1P Daerah Temburong, Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir.

Majlis seterusnya ialah

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Bin Haji Ali

Pelancaran Pesta Buah-Buahan dan 1K1P Daerah Temburong yang kemudiannya diteruskan dengan menyaksikan acara menjalin kelupis terpanjang dan seterusnya lawatan ke meja-meja jualan serta menyaksikan aktiviti berserta pameran.

Pesta Buah-Buahan dan 1K1P Daerah Temburong merupakan inisiatif atau usaha Jabatan Daerah Temburong melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sebagai Jawatankuasa pengendali dalam memberikan peluang kepada MPMK dan usahawan-usahawan kampung untuk mengembangkannya sosioekonomi masyarakat dan meningkatkan penglibatan seluruh masyarakat di Daerah Temburong selaras dengan visi dan peranan Jabatan.

Selain itu, ia adalah salah satu platform dan usaha bagi MPMK untuk mengerak aktifkan majlis-majlis perundingan bagi membantu ekonomi setempat.

Pesta ini juga memberikan peluang perniagaan kepada Majlis-majlis Perundingan Kampung (MPMK) dan usahawan-usahawan kampung dan memberikan peluang kepada penduduk-penduduk kampung yang memiliki dusun buah-buahan untuk menjual hasil buah-buahan masing-masing.

Seramai 60 orang peserta turut serta dalam Pesta Buah-Buahan dan 1K1P Daerah Temburong yang terdiri daripada MPMK, usahawan-usahawan tempatan dan juga orang-orang persendirian.

Selain daripada jual-jualan, beberapa aktiviti juga akan diadakan di pesta tersebut di mana akan dikendalikan oleh MPMK, Agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta, di antara aktiviti yang akan diadakan adalah seperti Acara Menjalin Kelupis Terpanjang, Sukan Ria, Pameran dan sebagainya. Orang ramai adalah dialu-alukan hadir ke Pesta Buah-Buahan dan 1K1P dan ikut serta memeriahkan lagi acara ini.



RAKYAT dan para penduduk ketika mempamerkan produk 1K1P di pesta tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, buah durian antara yang terbanyak dipamerkan dan dijual di Pesta Buah-Buahan tersebut.



Belia dipersiapkan kemahiran pertanian dan agrimakanan



PEMANGKU Pengarah Pertanian dan Argimakanan semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

RIMBA, Sabtu, 29 Februari. – Program Pendedahan Belia-Belia Yang Berpotensi Untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi yang telah diadakan sejak 25 Februari lalu berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta yang mengikutinya. Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah pada majlis penutup yang berlangsung di Dewan Simpung, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba. Dayang Ainaafaridah binti Hamdan dalam ucapannya selaku wakil belia menyatakan melalui taklimat yang telah disampaikan, mereka selaku peserta mendapat

ilmu peluang-peluang perniagaan, pengurusan aliran tunai, bagaimana untuk mendapatkan tapak-tapak pertanian, tatacara program pasaran dan tatacara permohonan sijil perniagaan. Manakala dari lawatan yang diadakan, mereka juga kagum dan sangat gembira diberikan kesempatan yang banyak memberikan ilmu yang berguna tentang pertanian. “Kami sangat teruja mendapati banyak tempat pertanian di Brunei yang sudah di usahakan dengan jayanya. Pengalaman ini sangat berharga bagi kami yang masih ingin mendalami dalam bidang pertanian. Selain itu juga diberikan peluang merasakan sendiri melihat kawasan, tempat dan merasa buah-buahan yang ditanam.

Perkongsian pengalaman dari pihak tempat lawatan itu sangat bernilai yang akan kami gunakan pada masa akan datang InsyaaAllah,” jelasnya. Program yang diadakan selama empat hari tersebut disertai oleh seramai sembilan orang peserta dan diisikan dengan beberapa siri taklimat mengenai industri pertanian dan agrimakanan, di samping beberapa siri lawatan ke syarikat-syarikat pertanian dan ladang-ladang. Ia antara lain bertujuan untuk mendedahkan para belia mengenai perkembangan dan hala tuju industri pertanian serta agrimakanan, selain untuk menggalakkan para belia untuk berkecimpung dalam bidang industri pertanian dan agrimakanan terutama dalam penggunaan teknologi bagi meningkatkan produktiviti.



PARA belia yang menyertai Program Pendedahan Belia-Belia Yang Berpotensi Untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi begambar ramai bersama Pemangku Pengarah Pertanian dan Argimakanan.



DAYANG Ainaafaridah binti Hamdan, wakil peserta ketika memberikan ucapan.

Didik peserta menghalusi sebutan pembacaan Al-Quran



TENAGA Pengajar Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei ketika mengendalikan Bengkel Menghalusi Sebutan Al-Quran yang berlangsung di Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

BELAIT, Sabtu, 29 Februari. - Lebih 100 orang jemaah masjid dan balai ibadat dari Daerah Belait serta Belia Masjid telah menghadiri Bengkel Menghalusi Sebutan Al-Quran yang berlangsung di Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait. Sehubungan itu, bengkel yang diungkuayahkan oleh Ahli Takmir

Masjid RPN masjid berkenaan bertujuan untuk mendalami lagi sebutan bagi huruf-huruf yang terdapat di dalam Al-Quran dengan tujuan untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan masyarakat umum. Setiap orang yang membaca Al-Quran hendaklah dengan sebutan Makhraj Huruf yang tepat

agar ayat yang dibaca tidak tersasar daripada makna yang sebenar. Sifat-sifat Huruf Hijaiyah adalah sangat penting untuk diketahui, dipelajari dan dihalusi kerana dengan yang demikian kita dapat melafazkan Huruf-huruf Hijaiyah dengan sebutan yang betul dan tepat. Sementara dalam temu bual Pelita Brunei bersama Hajah Rahimah binti Bujang, wakil Muslimah dari Masjid Pekan Seria,

berpendapat bengkel seumpama itu sangat berguna baik daripada pembelajaran apa lagi pengetahuan semua peringkat masyarakat Islam dalam sama-sama memartabatkan pembacaan Al-Quran dengan sempurna. Manakala peserta Muslimah dari Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Dayang Salamah binti Zainal berpendapat, usaha AJK Masjid Kampung Pandan merupakan satu permulaan kepada langkah-langkah yang akan memberi kesan yang positif kepada pembaca dalam rangka menghalusi sebutan dan pembacaan Al-Quran. Bagi Dayang Hajah Siah binti Peri, 78, wakil Muslimah Masjid Kampung Pandan berharap agar bengkel seumpama itu diteruskan dengan cara yang lebih berkesan, khusus diadakan di masjid atau sekolah agar pembelajaran mudah diikuti oleh semua peringkat dengan menyediakan tenaga pengajar secara tetap. Antara tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat bagi

menghalusi cara-cara menyebut huruf-huruf yang terdapat di dalam Al-Quran dengan betul dan tepat. Selain itu untuk memelihara diri daripada menyebut huruf-huruf Al-Quran dengan salah dan tidak tepat sehingga dapat mengubah dan menukar makna ayat yang asal. Tenaga Pengajar terdiri daripada Tenaga Pengajar Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili. Antara pengisian dalam bengkel tersebut, para peserta dibimbing mengenai cara-cara menyebutkan huruf-huruf Al-Quran melalui Makhraj dan tempat keluar bunyi yang betul serta latihan praktikal bacaan Surah Al-Fatihah serta memperbetulkan kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan dalam bacaan Surah Al-Fatihah. Semoga dengan adanya bengkel seumpama itu akan dapat memberi ilmu pengetahuan yang bermanfaat kepada para peserta khususnya dalam menambah baik sebutan Makhraj Huruf agar huruf-huruf Al-Quran yang dibaca dapat disebutkan dengan lebih tepat.

Menghayati peranan utama penubuhan ASEAN



PEMANGKU Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan memberikan Taklimat Kenali ASEAN.



SERAMAI 890 orang pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan hadir mendengarkan Jerayawara Kenali ASEAN anjuran Jabatan Penerangan.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Seramai 890 orang pelajar telah menghadiri jerayawara ini yang berlangsung di Dewan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. Turut hadir bagi sama-sama memeriahkan lagi jerayawara ialah Pengetua

Sekolah, Dayang Susilawati binti Dato Paduka Haji Muhammad dan beberapa orang tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama, ia juga berperanan penting dalam mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya untuk pelajar-pelajar di Negara Brunei

Darussalam.

Taklimat Kenali Negara ASEAN ini bertujuan untuk memberigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Selain itu, jerayawara ini dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasinya ini dalam membangun negara-negara anggotanya. Taklimat ini juga

dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik di kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti. (One Vision, One Identity, One Community).

Terdahulu, acara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan, Allah Peliharakan Sultan dan lagu tema ASEAN 'The ASEAN Way'. Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Para pelajar juga berpeluang untuk menyaksikan tayangan klip video mengenai ASEAN yang diikuti dengan Kuiz ASEAN yang dikendalikan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Unit

Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Nur-Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani.

Seramai 10 orang penuntut berjaya menjawab Kuiz Kenali ASEAN dan menerima hadiah masing-masing. Selain itu, jerayawara ini juga turut mempromosikan aplikasi mudah alih 'We ASEAN'. Aplikasi ini antaranya mengandungi maklumat mengenai ASEAN dan negara-negara ahli ASEAN (ASEAN Member States) Kalendar ASEAN, kuiz, galeri gambar dan video. Aplikasi ini merupakan salah satu projek di bawah Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI. Ianya boleh dimuat turun melalui Google Play bagi pengguna Android and App Store bagi pengguna iOS.

Pelajar ejen penyebaran maklumat positif, berkesan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

JERUDONG, Sabtu, 29 Februari. - Lebih 300 orang pelajar dari Tahun 9 dan 10 serta tenaga pengajar Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SMHS) menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral yang positif.

Program RRP anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan itu turut dihadiri oleh Pengetua SMHS, Dayangku Hajah Nooramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad, berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah tersebut.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan diikuti

Lagu Patriotik 'Bendera Negara'. Pemangku Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris selaku wakil Ketua Unit Kenegaraan dalam taklimatnya antara lain menekankan mengenai peraturan dan cara mengibarkan Bendera Negara di mana bendera yang koyak dan luntur tidak boleh dinaikkan serta hendaklah diganti dengan yang baharu.

Taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' juga menegaskan sebarang tanda, huruf, perkataan, rajah, bentuk lukisan atau lambang selain lambang yang ada pada masa ini tidak boleh diletakkan pada bendera. Tambahnya, bendera jangan sesekali menyentuh sebarang benda di bawahnya misalnya lantai, tanah, air dan sebagainya.

Program tersebut turut diserikan dengan persembahan hadrah daripada para pelajar sekolah itu dan tayangan slide Hari Kebangsaan serta dimeriahkan dengan lawak jenaka dan kuiz kenegaraan daripada pelawak tanah air, Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar dan Haji Mohd Firdaus bin Haji Salleh.

Program Rakan Remaja

Penerangan merupakan program persembahan khusus bagi peringkat remaja terutama pelajar sekolah dalam menyebarkan maklumat dan kegiatan semasa.

Selain itu, ia juga untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan semasa menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan para pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.



TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.



SOALAN Kuiz ASEAN untuk pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SMHS) dikendalikan oleh pelawak-pelawak tempatan.



PENGETUA SMHS, Dayangku Hajah Nooramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad, guru-guru dan para pelajar SMHS menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan.

Belia Berwawasan

Generasi peneraju masa depan negara



Mencapai impian

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Dayangku Hajah Nurun Najdah
Pengiran Haji Abdul Rahman

UMUR bukan penghalang bagi seseorang untuk mencapai impian dan aspirasi. Itulah prinsip yang dipegang oleh personaliti Belia Berwawasan keluaran kali ini, Dayangku Hajah Nurun Najdah binti Pengiran Haji Abdul Rahman, belia yang baru saja berusia 18 tahun namun telah bergiat aktif dalam mereka bentuk fesyen tudung. Ketika ini, Dayangku Hajah Nurun Najdah sedang melanjutkan pelajaran dalam jurusan International Relations di Manchester, United Kingdom. Menceritakan awal penglibatannya dalam reka bentuk fesyen tudung, Dayangku Hajah Nurun Najdah menjelaskan, dia bermula dengan simpanan wang yang dikumpul dari penjualan barangan makanan pencuci mulut kepada rakan-rakannya dan juga daripada menyediakan khidmat

solekan. Selepas memperoleh modal yang mencukupi, dia mula menyelidik tentang pembekal-pembekal yang berbeza dan jenis kain yang akan memberi manfaat dengan iklim di negara ini. Bagi proses reka bentuk pula, dia membuat reka bentuk yang agak mudah (*simple*) di samping meminta nasihat tentang pemasaran daripada ahli keluarganya yang mempunyai bisnes persendirian dan mendapat jawapan bahawa tempat terbaik bagi pemasaran adalah media sosial. Di samping itu, dia juga mengadakan acara pelancaran yang dihadiri oleh pihak media untuk membantu mempromosikan perniagaannya. Sambutan daripada orang awam adalah positif secara keseluruhan. "Saya mencapai matlamat pertama saya dan berjaya menghasilkan keuntungan. Saya

juga mempunyai banyak peluang seperti menyertai temu duga dengan Biz Brunei dan Progresif Radio. Saya juga menyertai Raya Bonanza 2018 dan IDFest 2018 sebagai debut saya pada acara ekspo," ujarnya. Reka bentuk tudung adalah aksesori mutiara yang dijahit pada tepi tudung, merangkumi empat jenama iaitu Sharifah diperbuat daripada sifon, Ehsan daripada kapas, Kamilah (*crinkly*) dan Huda (berlipat). Kedua-duanya diperbuat daripada kain viskosa, bernilai BND20 hingga BND25. Kesemua tudung rekaannya boleh diperolehi melalui Instagram dan Facebook @noormutiariascarves atau Noor Mutiara Collections yang terletak di Tingkat 1, The Centrepoint Hotel, Gadong. **Cabaran** Cabaran sememangnya sudah menjadi asam garam dalam kehidupan, begitu juga dalam menayakan sesebuah perusahan. Bagi Dayangku Hajah Nurun Najdah, dia terpaksa melalui percubaan

dan kesilapan dari segi saiz serta berat dan rupa pesona mutiara yang ada pada setiap selendang rekaannya. Ada ketikanya dia terpaksa mengemalikan sampel kepada pembekal dan menyampaikan apa yang dikehendaki. Selain itu, dia juga berdepan dengan masalah umur di mana orang tidak menganggapnya serius malahan ada yang meragui keupayaannya memandangkan usianya yang terlalu muda. Ini memberi kesan negatif kepada motivasi dan harga dirinya, bagaimanapun dia diyakinkan oleh orang-orang di sekelilingnya dan maklum balas positif daripada orang ramai. Pengalamannya dalam bidang fesyen tudung terus menjadi pemangkin semangat kepada belia berwawasan ini untuk meneruskan perniagaan tetapi dalam industri yang berlainan. Dalam beberapa tahun ini, Dayangku Hajah Nurun Najdah masih ingin fokus kepada pelajaran, namun bidang perniagaan tetap merupakan salah satu rancangan masa hadapannya.

Harapan

Tidak dinafikan, sektor swasta berperanan penting terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, Dayangku Hajah Nurun Najdah menaruh harapan yang besar agar sektor swasta di negara ini akan terus berkembang maju dengan perniagaan yang berbeza dan inovatif yang membantu meningkatkan ekonomi dan menyumbang kepada Wawasan 2035. Pertumbuhan perniagaan tempatan ujarnya, sudah tentu akan membantu menjadikan ekonomi kurang bergantung kepada minyak dan gas. Dalam mengakhiri pendekatan bersama belia ini, Dayangku Hajah Nurun Najdah sempat memberikan kata-kata nasihat kepada rakan-rakan belia di negara ini. "Kejar semangat awda dan kerja keras. Percayalah kepada diri sendiri. Lakukan bahagian awda dalam membantu Brunei mencapai kemakmuran dan jangan biarkan sesiapa atau apa pun termasuk umur awda menghalang awda daripada mencapai impian dan aspirasi awda".

Belia perlu menanamkan rasa cintakan negara



YANG Di-Pertua Pertubuhan Wargamas Brunei Darussalam, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin.



JURULATIH Projek Ikan Pusu (PIP), Awang Mohd. Adi Shahirol Izzat bin Haji Omar.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Nooratini Haji Abas, Muhd. Zulkamal Awang Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Mac. - Belia-belia diseru untuk bersatu padu dalam menggembelng tenaga ke arah mencapai Wawasan Negara 2035, bukan sahaja memajukan negara ini untuk mencapai kepada matlamat 2035 bahkan menjadikan ia sebagai sebuah negara Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur.

Justeru, Yang Di-Pertua Pertubuhan Wargamas Brunei Darussalam, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji

Kamaluddin semasa ditemu bual pada acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2020 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara mengingatkan agar kita terus menerus untuk memajukan lagi negara supaya setaraf dengan negara-negara yang maju di dunia.

Manakala, Jurulatih Projek Ikan Pusu (PIP), Awang Mohd. Adi Shahirol Izzat bin Haji Omar pula melahirkan rasa bertuah kerana

dapat menyertai riadah tersebut buat kali ketiga bersama pemain-pemain PIP.

Menurutnya, riadah ini adalah satu platform yang baik untuk kanak-kanak beriadah khususnya pada waktu pagi. Dengan riadah ini jelasnya, akan menimbulkan minat untuk bersukan, di samping dapat menjaga kesihatan serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim bersama ahli-ahli PIP dengan orang ramai.

Beliau turut menyarankan agar belia-belia dan kanak-kanak di negara ini yang berminat dalam sukan bola sepak untuk menyertai PIP.

Kemudian, Awang Mohd. Norazri bin Haji Md. Abdul Hazimin yang mengetuai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dalam acara riadah itu menyatakan riadah tahun ini adalah untuk memeriahkan lagi acara sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Tahun.

Tambahnya lagi, riadah ini sekali gus menarik minat pelbagai lapisan masyarakat khusus belia-belia di negara ini untuk menyumbang dan berkhidmat dalam apa juga acara di negara ini. Oleh yang demikian, para belia negara diharap akan dapat menanamkan rasa cintakan negara dengan menjayakan Wawasan Negara 2035 dengan menjadikan rakyat Brunei ini maju pada masa akan datang, di samping mengekalkan lagi dari segi rohani dan jasmani.

Memperkukuh ukhuwah dalam kalangan generasi belia

Dari muka 12

WAAG Brunei Darussalam telah dirasmikan penubuhannya pada 7 Mei 2018 oleh Syeikh Al-Azhar Al-Syarif, Fadhlil Al-Imam Al-Akbar Profesor Dr. Ahmed Mohammed Ahmed El-Tayeb sewaktu berkunjung ke Negara Brunei Darussalam.

Sehingga kini, bekas pelajar

Brunei yang pernah menuntut di universiti berkenaan dianggarkan mencecah 700 orang. Mereka telah memberikan sumbangan yang sangat signifikan terhadap pembangunan Islam di Negara Brunei Darussalam dan telah berkhidmat dengan cemerlang serta memegang jawatan-jawatan utama dalam kerajaan dan sektor swasta.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Pupuk minat membaca anak-anak sedari kecil



PEGAWAI Bahasa, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Rosmuliati binti Haji Yahya.



DAYANG Noralina binti Haji Alias dari Kampung Katok 'B'.

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Februari. - Amalan membaca merupakan satu amalan yang mulia kerana melalui membaca ia dapat membentuk masyarakat berilmu.

Oleh yang demikian, ibu bapa perlu berusaha untuk mewujudkan keluarga berilmu dengan menyemai minat membaca dalam kalangan anak-anak mereka.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh orang ramai semasa Pelita Brunei membuat tinjauan ke Pesta Buku Brunei 2020 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara

Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Bagi Dayang Noralina binti Haji Alias dari Kampung Katok 'B' semasa ditemui berkata, sebagai ibu bapa adalah penting untuk anak-anak diterapkan dengan amalan membaca bagi memudahkan mereka membuat kerja sekolah contohnya membuat karangan.

Tambahnya, melalui membaca anak-anak boleh mengukuhkan lagi bahasa khususnya dalam Bahasa Melayu Standard.

Selain itu jelasnya, salah satu usaha yang boleh diambil oleh ibu

bapa dalam memupuk minat membaca dalam diri anak-anak adalah dengan membawa anak-anak ke perpustakaan.

Sementara itu, Pegawai Bahasa, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Rosmuliati binti Haji Yahya pula mengongsikan bahawa melalui membaca ia boleh membuka pintu-pintu ilmu yang mana dengan membaca ia memberi sumber idea.

Menurutnya, walaupun dengan hanya membaca sehari selambar kertas tapi ilmu yang diperoleh sedikit demi sedikit akan bertambah.

"Saya sendiri kalau sama anak-anak buah saya suka mengajar mereka bercerita. Walaupun mereka tidak membaca buku tapi melalui penceritaan mereka akan ingat. Selain mengamalkan budaya membaca, apa yang penting jua ialah mereka boleh mengadaptasi untuk satu lakonan. Sebab kalau kita bersama kanak-kanak, mereka kurang membaca tapi melalui pembacaan dan penceritaan sekali gus ia akan memberi kesan yang lebih baik untuk kanak-kanak," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya berkata, amalan membaca perlu diterapkan untuk kanak-kanak sejak mereka kecil lagi iaitu daripada mereka berumur tiga tahun yang mana adalah lebih baik digalakkan untuk membaca.

ORANG ramai termasuk para pelajar menyaksikan pelbagai buku di Pesta Buku Brunei 2020 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (atas kanan dan bawah kanan).



MSSAS dinobatkan johan futsal Piala Zain



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara menyampaikan piala kepada Pasukan Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku, Katok johan Piala Pengarah Hal Ehwal Masjid.

Dari muka 24

Penganjuran dan pengisian program juga membekalkan para belia masjid dengan ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi serta menyalurkan berbagai kemahiran yang diperlukan, di samping memberikan panduan mengenai penjagaan kesihatan yang optimal, yang merupakan satu aset kehidupan yang tidak ternilai harganya dan harus dipelihara.

Selain perlawanan bola sepak Piala Zain, mereka juga mengikuti program-program keugamaan termasuklah Sembahyang Berjemaah Fardu Maghrib, Isyak dan Subuh, Mendengar Kuliah Maghrib serta Tazkirah Subuh dan Sesi Perbincangan.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Program-program sedemikian diharap akan dapat mendekatkan para belia dengan masjid serta dapat menambah dan menghalusi pengetahuan mengenai perkara-perkara berhubung perbuatan dalam sembahyang dan pegangan aqidah.

Melalui perlawanan bola sepak itu, ianya akan mengeratkan hubungan silaturahim di antara belia-belia masjid seluruh negara dan membimbing mereka agar melaksanakan acara kegiatan riadah atau sukan mengikut peraturan yang diharuskan oleh Islam.

Antara tujuan diadakan adalah untuk mengeratkan ukhuwah di antara para peserta dari kalangan belia masjid, warga Jabatan Hal Ehwal Masjid serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.

Di samping menyahut seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi para peserta dalam sama-sama mengamalkan cara hidup sihat secara konsisten dan aktif bersukan bagi menjaga kesihatan selain meningkatkan mutu sukan futsal dan seterusnya mencungkil bakat yang telah lama terpendam dalam kalangan para pasukan.



SKUADRON Jurutera Tempur, Tentera Darat Diraja Brunei semasa membantu membaiki pulih laluan titian kayu yang rosak.

Berganding bahu baiki titian kayu Kampung Bendahara Lama

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Mac. - Skuadron Jurutera Tempur (SJT), Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) telah pun diarahkan untuk memberi bantuan kepada Kampung Bendahara Lama yang terjejas oleh bencana kebakaran pada awal pagi 8 Januari lalu di mana telah memusnahkan beberapa buah rumah dan menjejaskan sebilangan keluarga.

Kebakaran tersebut juga merosakkan dan menjejaskan keadaan laluan titian kayu yang digunakan oleh penduduk kampung bagi rutin harian mereka.

Keadaan laluan titian kayu tersebut menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan penduduk setempat dalam penggunaan hariannya, terutama sekali bagi anak-anak mereka yang tinggal di sekitar kawasan tersebut dan juga bagi pelancong yang sering menggunakan titian untuk melawat kampung tersebut.

Sebagai respons kepada situasi tersebut, SJT TDDDB telah ditugaskan untuk memberikan bantuan sewajarnya untuk meringankan kebimbangan penduduk kampung di kawasan yang terjejas.

Bantuan amal ini tertumpu kepada membaiki pulih laluan titian kayu yang rosak dengan bahan bina yang baharu untuk meningkatkan kestabilan dan keselamatan laluan titian kayu tersebut untuk orang ramai. Ia dianggarkan akan selesai dalam masa dua minggu dan kini sedang berjalan sejak 28 Februari lalu.

Menjalankan Bantuan Kemasyarakatan merupakan salah satu tanggungjawab sosial ABDB dan juga salah satu peranan TDDDB, iaitu mengendalikannya Projek 'Hearts and Minds' dan kerja-kerja amal dalam usahanya untuk memupuk dan mengukuhkan hubungan bersama dengan masyarakat tempatan.

Bersama menangani keganasan rumah tangga



Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Mawar

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Mac. - Persatuan MAWAR melalui Biro Penyelidikan dan Perkembangan telah mengadakan satu perkongsian yang bertajuk 'Mengenali Keganasan Rumah Tangga' bagi meningkatkan lagi kesedaran orang ramai, khususnya bagi para wanita terhadap perkara ini.

Perkongsian ini disampaikan di Cafe 934, Serusop, Bandar Seri Begawan oleh penyampai undangan, Pegawai Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Nurul Nazurah binti Jaya.

Antara objektif utama perkongsian ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada para wanita mengenai cara

mengenal pasti akan keganasan rumah tangga seperti mengetahui lima jenis penderaan, perintah-perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah kepada pelaku atau mangsa dan mengetahui akan langkah-langkah yang boleh dilakukan apabila ia berlaku kepada mangsa.

Para peserta juga berpeluang untuk mengajukan soalan-soalan kepada Dayang Nurul Nazurah. Selain daripada itu, Persatuan Mawar juga memberikan peluang kepada para peserta bagi memanfaatkan perjumpaan ini untuk sama-sama berkongsi pengalaman dan juga memberi nasihat sesama mereka.

Turut hadir pada sesi perkongsian ini adalah Penasihat Persatuan MAWAR, Professor



PEGAWAI Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Nurul Nazurah binti Jaya (atas). Sementara gambar kiri, antara ahli-ahli serta para wanita yang menghadiri perkongsian tersebut.

Madya Dr. Hajah Rose binti Abdullah dan juga Presidennya, Dayang Hajah Kamlah binti Haji Daud serta Ahli-ahli Persatuan MAWAR yang lain.

Persatuan MAWAR akan terus berusaha menganjurkan lebih banyak program yang memberikan kesedaran dan kefahaman ilmu mengenai berbagai aspek yang meliputi kesihatan, sosial dan ekonomi serta pendidikan kekeluargaan selaras dengan objektif penubuhan Persatuan MAWAR yang menentang isu-isu wanita, kanak-kanak dan keluarga. Program seumpama ini juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli persatuan dan masyarakat secara amnya.

Dipenjara kerana curi CCTV



MUHAMMAD Rafi Ezamdie bin Mohd Daud berumur 28 tahun.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

SUNGAI LIANG, Ahad, 1 Mac. - Satu perlakuan jenayah terbongkar apabila perbuatannya dirakam melalui kamera litar tertutup CCTV di salah sebuah kedai di Kampung Sungai Bakong, Lumut, Daerah Belait.

Susulan dengan insiden tersebut, satu aduan telah dilaporkan ke Balai Polis Sungai Liang, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan kertas siasatan telah dibuka hingga

membawa kepada penangkapan ke atas seorang lelaki warga tempatan yang bernama Muhammad Rafi Ezamdie bin Mohd Daud berumur 28 tahun yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan.

Menurut siasatan awal mendapati, kejadian yang berlaku pada 26 Februari 2020 bilamana suspek sedang berjalan di kawasan kedai lalu ternampak satu unit CCTV berwarna putih yang diletakkan diluar pintu masuk sebuah kedai. Suspek kemudian didapati mencabut CCTV berkenaan dengan menggunakan tangannya lalu membawanya ke rumah saudara suspek di kawasan RPN Lumut dengan alasan ingin mengetahui bagaimana CCTV tersebut berfungsi dengan talian WIFI.

Suspek telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan bagi menghadapi pertuduhan curi di bawah Seksyen 379 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan telah dijatuhkan hukuman iaitu pemenjaraan selama 4 bulan di Penjara Maraburong bermula pada 29 Februari 2020.

PPDB ingin menyeru kepada orang ramai agar sentiasa memberikan kerjasama dalam penyaluran maklumat untuk mencegah jenayah daripada berlaku dan menghapuskan peluang perlakuan jenayah di negara ini.

Sukan

INFO SUKAN

PERSATUAN Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) telah menyusun satu Pelan Strategik baharu bagi tempoh 2020 - 2035 bagi menggantikan Pelan Strategik yang sedia ada yang diumumkan dalam Sidang Media pada 25 Februari 2020. Melalui Pelan Strategik tersebut, NFABD berharap untuk meningkatkan dan menaik taraf sukan bola sepak di Negara Brunei Darussalam dalam semua aspek.



ePaper Pelita Brunei

J.Perkhidmatan Kesihatan berjaya rangkul Piala Menteri Kesihatan

BERAKAS, Ahad, 1 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Kesihatan berjaya menewaskan pasukan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah 3 - 1 dalam Kejohanan Futsal Piala Menteri Kesihatan bertempat di Dewan Serbaguna Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat yang juga menyampaikan hadiah ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Kejohanan futsal ini bertujuan untuk mengeratkan tali silaturahmi antara pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan, bersua kenal dengan pegawai dan kakitangan dari jabatan serta hospital yang berlainan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baharu untuk diserapkan dan mewakili Kementerian Kesihatan sama ada dalam sukan futsal atau bola sepak.

Seterusnya, ia juga berperanan penting dalam menyahut seruan Kementerian Kesihatan untuk mendukung visi kementerian iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'. Kementerian Kesihatan juga dalam usahanya mempromosi dan menggalakkan pegawai dan kakitangannya menjalankan aktiviti-aktiviti sihat.

Perlawanan peringkat kumpulan telah diadakan pada 28 Februari lalu di Dewan Serbaguna Stadium Negara Hassanal Bolkiah di mana sebanyak 13 buah pasukan terdiri daripada Jabatan-jabatan dan Hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan telah turut serta di kejohanan ini.

Perlawanan dimulakan dengan perlawanan persahabatan di antara pasukan Yang Berhormat Menteri Kesihatan berlawanan dengan pasukan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan. Perlawanan suku akhir dan separuh akhir juga telah berlangsung pada sebelah pagi tadi.

Turut hadir pada majlis ini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abd Latif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar & Pengurusan), Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan piala kepada pemenang Kejohanan Futsal Piala Menteri Kesihatan.



ANTARA aksi perlawanan pada Kejohanan Futsal Piala Menteri Kesihatan.

MSSAS dinobatkan johan futsal Piala Zain

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara menyampaikan Piala Zain kepada Pasukan Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong johan Kejohanan Futsal Kali Ke-4 Tahun 2020.



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Mac. - Pasukan Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong (MSSAS) dinobatkan sebagai johan Piala Zain pada Kejohanan Futsal Kali Ke-4 Tahun 2020 manakala Pasukan Masjid Pengiran Muda Abdul Malik Kampung Tungku, Katok dinobatkan sebagai johan Piala Pengarah Hal Ehwal Masjid yang berlangsung di Padang Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong.

Naib johan bagi Piala Zain disandang oleh Pasukan Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie diikuti dengan tempat ketiga ialah Pasukan Masjid Zainab Lumut.

Sementara itu, naib johan bagi Piala Pengarah Hal Ehwal Masjid disandang oleh Pasukan Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama diikuti tempat ketiga ialah Pasukan Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjong Bunut.

Johan membawa pulang piala pusingan, piala dan wang tunai berjumlah BND250 ringgit, manakala Naib Johan membawa pulang piala dan wang tunai berjumlah BND200 ringgit, tempat Ketiga membawa piala dan wang tunai sebanyak BND150 ringgit.

Hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Jame' 'Asr Hassani Bolkiah dan Titian Travel & Tours berusaha menjadikan kumpulan belia-belia masjid sebagai sebuah kumpulan yang kreatif dan inovatif serta proaktif demi menuju ke arah kecemerlangan dan kegemilangan dalam segenap aspek melalui penganjuran perlawanan bola sepak Piala Zain bagi belia-belia masjid senegara.

Ke muka 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'BELIA HOLISTIK HARAPAN BANGSA'

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam